

Jilid II
Bil. 36



Hari Selasa
19hb Disember, 1972

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4551]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 4577]

Anggaran Pembangunan, 1973 (18hb Disember, 1972) [Ruangan 4577]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 (18hb Disember, 1972) [Ruangan 4577]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Selasa, 19hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSBIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

- Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED
GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**RAMBUT PANJANG—LARANGAN
MENYIMPAN**

1. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada larangan menyimpan rambut panjang hanya dikenakan kepada orang-orang asing yang masuk ke Malaysia sahaja dan tidak kepada orang-orang Malaysia sendiri, terutama sekali penuntut-penuntut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah melarang kemasukan orang-orang asing yang dianggap sebagai "hippies" dan bukanlah kerana mereka itu menyimpan rambut panjang. Orang-orang Malaysia pada umumnya tidak dilarang menyimpan rambut panjang. Berkenaan penuntut-penuntut terserahlah kepada Kementerian Pelajaran untuk menetapkan atau menentukannya.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Siapakah orang-orang yang Kerajaan classified yang mereka itu sebagai "hippies"—who are those to be classified as hippies?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Takrif "hippies" ini adalah biasanya: pakaiannya kotor, tidak senonoh, berbau busuk, termasuklah rambutnya juga busuk.

Tuan T. S. Gabriel: Kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri berkata orang yang kotor itu ialah seorang "hippies". Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, iaitu pada masa sekarang ini ada beribu-ribu orang asing yang lebih kotor dari luar negeri masuk ke Pulau Pinang. Adakah Kerajaan mengadakan undang-undang mengharamkan orang-orang ini masuk ke Malaysia?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, tuduhan Ahli Yang Berhormat mengatakan beribu-ribu orang dari luar

negeri yang bersifat kotor dan ada di Pulau Pinang yang dikatakan "hippies" itu adalah tidak benar. Saya sendiri telah melawat Pulau Pinang dan saya dapati tidak ada semasa saya melawat di sana. Saya cuma berjumpa satu dua orang sahaja. Dengan sebab itu pada mula-mulanya undang-undang ini dijalankan, ada lagi yang tinggal satu dua orang sahaja. Setahu saya tidak ada sebagaimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan iaitu rambut panjang, kotor, berbau busuk adalah kurang sopan bagi pihak penduduk-penduduk dalam Malaysia yang melakukan perkara yang tersebut. Adakah pihak Kementerian ini akan mengadakan satu undang-undang bagi mencegah pihak rakyat atau penduduk-penduduk dalam Malaysia ini, samada muda atau tua yang berambut panjang bagi menjaga kesopanan dan ketatasusilaan bagi rakyat Malaysia pada masa akan datang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, soalan itu saya sudah jawab.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apakah kesan-kesan yang telah didapati hasil daripada larangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan kepada orang-orang luar negeri yang dikatakan hippies yang bersifat bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu didapati bahawa setelah undang-undang itu dijalankan, apakah kejayaannya?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, kejayaannya tidak ada lagi orang-orang hippies ini masuk ke dalam negara kita semenjak itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa di dalam negeri kita sendiri banyak terdapat orang-orang yang boleh dikatakan hippies, mengikut pentafsiran yang disebutkan tadi? Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini bersedia untuk menjalankan tindakan bagi membersihkan keadaan rakyat negeri kita?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, seperti yang saya jawab tadi orang-orang Malaysia pada umumnya tidak dilarang menyimpan rambut panjang. Jika mereka itu berperangai sebagai hippies, tentulah masyarakat kita tidak akan menerima mereka itu.

Tuan Hashim bin Gera: Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa rambut panjang itu tidak salah. Adakah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu tahu bahawa dalam dua bulan yang lepas, mata-mata di Ipoh yang memakai uniform biru ada membawa gunting dalam sakunya, telah menahan beberapa orang pemuda, termasuk pemuda Melayu, Cina dan India, dan apabila berjumpa pemuda berambut panjang, terus diguntingnya. Bolehkah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi jaminan bahawa pada masa yang ke hadapan ini tidak akan berlaku lagi dan jika berlaku, bolehkah sebagai ibu-bapa kepada anak-anak itu menyaman polis yang berbuat demikian?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain, tetapi bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, saya suka juga menjawab iaitu kalau sekiranya polis itu membuat sebagaimana yang dikatakan tadi, maka bolehlah orang yang kena itu membuat aduan kepada mahkamah mengikut undang-undang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa membiarkan rakyat kita, terutama di kalangan pemuda menukar pakaiannya, terutama rambut daripada rambut pendek kepada rambut panjang dan pakaiannya dari pakaian lelaki kepada pakaian perempuan. Boleh difafsirkan ini adalah satu keadaan yang kurang sihat dalam negeri ini dan mendatangkan lebih banyak penyakit pondan berlaku (*Ketawa*) dan di mana terpaksa beberapa kali polis telah menjalankan tindakannya dalam hal ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengambil perhatian tentang perjalanan untuk keselamatan rakyat kita?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain, tetapi bagi maklumat Ahli Yang Berhormat itu,

negara kita ini adalah negara bebas. Perlembagaannya ada, tiap-tiap orang ada kebebasan masing-masing, dengan syarat ianya mengikut undang-undang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, bolehkah saya mendapat sedikit penjelasan, adakah yang dikatakan bebas itu bebas juga seorang lelaki menjadi seorang perempuan?

Tuan Yang di Pertua: Perkara itu tidak ada dalam soalan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang untuk membuat satu undang-undang bagi mengawal peribadi orang-orang kita, rakyat kita supaya penukaran keadaan seorang itu menjadikan satu kesalahan. Sebab mengikut undang-undang Islam, menukarkan seorang daripada perangai lelaki menjadi perempuan dan daripada perempuan menjadi lelaki adalah salah. Adakah Kerajaan kita bercadang menimbangkan untuk mengadakan peraturan seperti yang tersebut?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Pada masa ini tidak ada cadangan (*Ketawa*).

SENJATAPI KEPADA ORANG ASLI

2. **Tuan Ng Hoe Hum** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) bilangan Orang Asli di Perak yang telah diberi senjatapi bagi melindungi mereka daripada pengganas-pengganas komunis; dan
- (ii) apa jenis senjatapi yang telah diberikan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua,

- (i) 198 orang.
- (ii) Senapang patah.

Tuan Ng Hoe Hum: Tuan Yang di Pertua, berhubung dengan perkara senjatapi Orang Asli dan Pengganas-pengganas komunis, saya hendak tanya Timbalan Menteri, berkenaan dengan berapa pucuk senjatapi dirampas oleh pengganas-pengganas komunis dari masa yang senjata itu diberikan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain, saya berkehendakan notis.

SYARIKAT KERJASAMA PERUMAHAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

3. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar tentang banyaknya penyumbang-penyumbang kepada Syarikat Kerjasama Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan yang ingin mengeluarkan simpanannya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mempercepatkan pengeluaran sumbangan mereka.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di Pertua, apabila syarikat ini telah dapat menjelaskan semua sekali hutangnya, termasuk hutang kepada Kerajaan, maka baharulah syarikat ini boleh memulangkan kembali saham-saham daripada ahli-ahlinya.

Pada masa ini syarikat tersebut ada meminjam wang sebanyak \$32.2 juta dengan interest sebanyak \$6.8 juta, menjadikan jumlah semua \$39 juta. Ada beberapa rancangan yang sedang dijalankan untuk mendapatkan wang ini dengan segera.

Yang pertama, mendakwa beberapa orang yang terlibat supaya wang yang digunakan oleh mereka dapat diambil semula.

Yang kedua, ada sebanyak 193 lot kosong yang akan didirikan rumah dan dijual kepada ahli atau orang ramai.

Dan yang ketiga, hendak mengadakan Shopping Complex Kampung Tunku itu, yang mungkin mendapat balik wang pinjaman itu dan apabila telah didapati baharulah permohonan pengeluaran saham dapat ditimbang, dan ini mungkin mengambil masa lebih kurang 15 tahun.

LADA HITAM—LUAS DITANAM

4. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan luas tanah yang ditanam dengan lada hitam sekarang, langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan hasil pengeluaran lada hitam bagi seseekar dan apakah kajian yang dijalankan untuk mengurangkan ancaman penyakit akar lada hitam.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, kawasan yang ditanam dengan lada hitam di Sarawak ialah lebih kurang 16 ribu ekar dan di Malaysia Barat 2 ribu ekar kebanyakannya di Negeri Johor.

Langkah-langkah yang diambil untuk meniggikan pengeluaran hasil tanaman lada hitam bagi tiap-tiap seekor termasuk membaja, memelihara pokok-pokok dan menjaga penyakit tanaman dari merebak dengan cara dan mengikut peraturan. Latihan diberi kepada penanam-penanam lada hitam di Pusat Latihan Perladangan di Sarawak di mana cara-cara pemeliharaan pokok dan keselamatan tanaman yang baik tanamannya diajar.

Penyelidikan dalam kemajuan lada hitam dijalankan oleh MARDI dengan kerjasama yang diberikan oleh Jabatan Pertanian Sarawak. Projek-projek penyelidikan yang dijalankan adalah pembiakan baka yang baik yang boleh menahan serangan penyakit akar, memilih baja yang mengandungi zat makanan yang diperlukan untuk menambah hasil-hasil dan membuat kajian dalam antiologi dan pencegahan kuman-kuman.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan tanaman lada hitam di Malaysia, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu berapa ekar di negeri Perak di tanam dengan lada hitam?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, sepanjang yang sampai ke pengetahuan saya dan Kementerian, tidak ada yang didaftarkan menanam lada hitam di Perak, mungkin penanam-penanam sayur bersendirian, itu tidaklah saya ketahui.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah tanah di negeri Perak baik untuk ditanam lada hitam?

Datuk Haji Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya boleh menjawab soalan itu, tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memberi notis lebih dahulu dan akan saya pindahkan kepada pihak MARDI.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kementerian membuat satu study untuk menggalakkan tanaman lada hitam di negeri Perak?

Datuk Haji Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya pun tidak tahu hal itu samada ada dan kalau saya kata ada, boleh jadi tidak ada, dan kalau saya kata tidak ada, boleh jadi ada. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu menghantarkan notisnya.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu, bila hendak membuat satu study seumpama itu?

Tuan Yang di Pertua: Bila hendak beri apa?

Tuan Ng Hoe Hun: Mahu atau tidak mahu membuat satu study atau kajian? Rakyat negeri Perak hendak tahu samada Kerajaan kita ada membuat satu study atau tidak. Sila beritahu samada lada hitam boleh ditanam di negeri Perak ataupun tidak?

Datuk Haji Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya sudah cakap tadi, kalau hendak tahu, boleh Ahli Yang Berhormat itu membuat soalan pada masa yang akan datang supaya boleh saya jawab.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di Pertua, selain dari mengurangkan ancaman penyakit akar lada itu, adakah cara yang lain, kalau pohon-pohon lada itu diganti dengan pokok lain?

Datuk Haji Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat bertanya sekali lagi.

Tuan Valentine Cotter: Selain dari mengurangkan ancaman penyakit akar lada itu, adakah cara yang lain, kalau pohon-pohon lada itu diganti dengan pokok-pokok lain.

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain.

MAS—PENDARATAN DI BRUNEI

5. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Perhubungan mengapa MAS tidak dibenarkan mendarat di Bandar Seri Begawan dan samada beliau sedar bahawa ini telah menyebabkan warganegara-warganegara Malaysia di dalam Bahagian Kelima di Sarawak menghadapi kesusahan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, yang sebenarnya jawapan kepada soalan yang serupa telahpun saya berikan di

dalam Dewan ini pada 15hb Disember, 1972. Saya ingat Ahli Yang Berhormat itu masih ingat lagi. Tetapi saya sedar tentang kesusahan yang dihadapi oleh warganegara Malaysia di dalam Bahagian Kelima di Sarawak, tetapi oleh kerana Kerajaan sedang berikhtiar mencari jalan hendak membetulkan jalan buntu ini, saya nasihatkan sabarlah sementara ini. Saya harap kita akan dapat jalan keluar daripada jalan buntu itu.

GURU SEMENTARA KE JAWATAN TETAP—PENYERAPAN

6. Tuan Haji Shafie bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan oleh kerana mengikut Lapuran Suruhanjaya Aziz dalam Pekeliling Bil. 10/71 perenggan 24-28, guru-guru agama di Kedah adalah layak untuk membuat pilihan mengikut sifir-sifir pemindahan seperti yang tersebut di lampiran "C" dan dalam jadual Bil. 178 muka surat 456, mengapa mereka tidak diberi borang pilihan bagi menentukan kedudukan mereka sendiri.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perenggan-perenggan 24-28 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971 dan Jadual Bilangan 178 pada muka surat 456 dalam Lampiran C kepada Pekeliling itu tidak menyentuh kelayakan dan perubahan gaji guru-guru agama di Kedah. Perenggan-perenggan itu adalah berkaitan dengan prinsip-prinsip penyerapan guru-guru sementara ke jawatan tetap. Jadual Bilangan 178 sebenarnya adalah ditujukan kepada Guru-guru Rakyat di Kedah.

Sifir pemindahan yang betul bagi guru-guru agama di Kedah ialah Jadual-jadual 141 dan 143 pada muka surat 355 dan 363 dalam Lampiran C kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1971 dan mengikut rekod Kementerian semua guru-guru itu telah diberi pilihan mengikut Pekeliling itu.

PASARAN BERSAMA MALAYSIA-SINGAPURA

7. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada sebarang perbincangan-perbincangan

telahpun diadakan antara Kerajaan-kerajaan Malaysia dan Singapura mengenai soal mengadakan suatu Pasaran Bersama untuk kedua-dua negara itu.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di Pertua, belum ada apa-apa perbincangan dijalankan di antara Kerajaan Malaysia dan Singapura berkenaan dengan penubuhan Pasaran Bersama di antara kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, perkara pasaran bersama adalah satu daripada lapangan kerjasama yang telah dipersetujui oleh negeri-negeri ASEAN. Satu Pasukan Mengkaji Bangsa-bangsa Bersatu telah membuat syor-syor di atas perkara ini dan syor-syor ini sedang dikaji oleh Kerajaan Negeri-negeri ASEAN.

EKSPOT PASARAN LADA

8. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan peratus eksport pasaran lada dari Sarawak yang dilakukan oleh Singapura dan berapa peratuskah yang dilakukan oleh Malaysia. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan bahawa pemasaran lada tidak akan dibiarkan di tangan pasaran-pasaran luar negeri dan orang-orang tengah asing seperti yang berlaku pada getah.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, bahagian lada hitam yang diekspotkan dari Sarawak melalui Singapura adalah 85% manakala eksport terus hanyalah merupakan 10%-15%. Keadaan ini disebabkan terutamanya kerana terdapat kemudahan-kemudahan keredit, mengred, memproses, menyimpan dan kemudahan maklumat-maklumat pasaran di Singapura iaitu pasaran yang sudah teguh untuk bahan ini beberapa tahun yang lalu. Dengan kesedaran bahawa adalah perlu bagi menggalakkan lebih banyak lada hitam yang diekspot terus bukan sahaja dari Sarawak tetapi juga oleh pengeluaran-pengeluaran Malaysia yang lain untuk mengurangkan spekulasi di dalam bahan ini, Kerajaan telah menubuhkan Jemaah Pemasaran Lada Hitam yang akan bertanggungjawab untuk mengawal dan memperbaiki perdagangan di dalam lada hitam. Sebagai langkah permulaan, Jemaah ini telah memulakan Sekim pemasaran lada

hitam yang telah mula melesenkan dealers dan akan menyediakan kemudahan memproses dan mengred lada hitam untuk diekspotkan. Jemaah ini juga diberi kuasa untuk menyertai di dalam perdagangan secara terus dan perkara ini sedang di dalam kajian Jemaah.

KEBUN KECIL GETAH— MENGAMBIL ALIH

9. Tuan Hor Cheok Foon (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Utama memberi butir-butir rancangan beliau untuk mengambil alih semua kebun kecil getah yang tidak mendatangkan hasil, dan memandangkan bahawa kebun-kebun kecil ini berselerak di merata kawasan, samada dapat diuruskan sekim seperti itu melainkan kakitangan yang besar diambil, yang mana tidak mendatangkan faedah ekonomi.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya akan mengadakan rancangan untuk mengambil alih kebun-kebun kecil getah yang tidak mendatangkan hasil dengan persetujuan tuan-tuan kebun itu sendiri. Rancangan ini akan dijalankan bersama dengan rancangan yang dijalankan sekarang oleh Lembaga Perusahaan Getah Tanam Semula. Sebagai Yang Berhormat sedia maklum, tugas-tugas Lembaga ini akan diambil alih oleh RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah).

Pada masa sekarang ini di bawah ini Rancangan Tanam Semula Lembaga kita ada menghulurkan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun-kebun yang tidak ekonomik dengan memberi kesempatan kepada mereka untuk menyertai tanam baru berkelompok. Ini boleh dijalankan dengan cara memiliki terus ataupun melalui saham-saham. Di bawah rancangan sekarang tiap-tiap pekebun-pekebun kecil yang mempunyai 6 ekar ke bawah diberi peluang menanam baru berkelompok sejumlah luas kebun-kebun mereka. Untuk menjayakan rancangan ini dan membolehkan pekebun-pekebun kecil memiliki kebun yang luasnya difikirkan ekonomik, maka perlulah diambil alih kebun-kebun getah yang kecil dengan persetujuan tuan-tuan kebun itu.

Penubuhan berasaskan kepada penyertaan menerusi saham-saham akan dijalankan apabila Lembaga itu diambil alih oleh RISDA

nanti dan butir-butir rancangan ini sedang di dalam persiapan. Sudah tentu rancangan ini akan berkehendakkan kakitangan untuk menjalankannya, tetapi tidaklah difikirkan bahawa perbelanjaan pengurusan akan meningkat begitu tinggi sehingga menjadikan rancangan ini tidak ekonomik.

Ahli Yang Berhormat mestilah faham bahawa rancangan menconsolidatekan pekebun-pekebun kecil ini tentulah akan memakan masa dan dibuat mengikut jadual dari semasa ke semasa.

PENGANAS KOMINIS— SERANGHENDAP

10. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan serang-hendap penganas-penganas kominis dari 1-1-72 hingga 30-10-72; tempat-tempat berlakunya seranghendap-seranghendap itu; bilangan askar-askar yang terbunuh dan cedera di dalam seranghendap-seranghendap ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, dalam jangka masa yang dipersoalkan sebanyak 20 seranghendap telah dilakukan oleh penganas-penganas kominis, 4 daripadanya berlaku di Malaysia Barat dan 16 berlaku di Malaysia Timur. Kesemuanya 18 Anggota Tentera telah terbunuh, dan 7 tercedera. Untuk gambaran sebaliknya, Pasukan Keselamatan telah berjaya membunuh 58 penganas dalam jangka masa yang sama.

PENGAWAL PELABUHAN KELANG

11. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa Pengawal-pengawal Keselamatan di Pelabuhan Kelang telah menyalahgunakan kuasa-kuasa mereka dengan menganas di kawasan pelabuhan, mengganggu pekerja-pekerja pelabuhan dengan menyerang dan merampas pas-pas masuk ke kawasan itu jika ya, mengapakah beliau tidak menyasat perkara ini kerana aduan-aduan mengenainya telah disampaikan oleh Kesatuan Sekerja Pelabuhan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar atas perkara ini.

MEMBEZA-BEZA WARNA KULIT (APARTHEID)

12. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar bahawa pihak Tentera Udara Diraja Australia telah mengamalkan dasar membeza-beza warna kulit (apartheid) di Pengkalan Tentera Udara Butterworth di mana tandas-tandas telah ditanda dengan perkataan-perkataan "WHITE" dan "ASIAN" dan jika benar apakah tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, sepanjang yang kita ketahui tidaklah benar Tentera Udara Diraja Australia telah mengamalkan dasar membeza-beza warna kulit (apartheid) di Pengkalan Udara Butterworth. Kita telah berapa lama bergaul dengan Tentera Udara Diraja Australia di Butterworth, dan saya suka memberi penegasan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa sepanjang masa terdapat persefahaman yang baik dan kerjasama yang rapat di antara Tentera Udara Diraja Australia dan Tentera Udara Diraja Malaysia. Tidakkah benar tandas-tandas di Pengkalan itu ditandakan dengan perkataan "WHITE" dan "ASIAN" sungguhpun saya percaya tandas-tandas itu telah ditanda dengan perkataan-perkataan "LADIES" dan "GENTLEMEN" (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Hussain: Soal tambahan, Tuan Yang di Pertua. Jika benar pihak Tentera Australia tidak mengamalkan dasar apartheid bagaimanakah peristiwa telah berlaku di mana seorang Teknisyen dari Talikom yang bernama Govindasamy apabila beliau hendak menggunakan satu tandas, dia dihalau dan dikatakan dalam bahasa Inggeris. "This is meant for the white people. You have to go there. The toilet for the coloured people is on the other side". Bolehkah Kerajaan menjelaskan sedikit bagaimana peristiwa itu boleh berlaku dengan tidak ada apartheid?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar di atas perkara ini berlaku, jikalau Ahli Yang Berhormat telah tahu atas perkara ini sebelum daripada hari ini, saya berharaplah kepada Ahli Yang Berhormat buat satu laporan supaya kita akan mengambil tindakan dan menyasat dengan sewajarnya dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil dalam hal ini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan membuat satu siasatan di atas soalan ini iaitu samada kejadian ini berlaku atau pun tidak?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya sanggup dan saya berharap lapuran-laporan ini dibuat dengan nama dan nombor yang sebenarnya supaya kita ketahui. Saya berharap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu memberikan surat kepada saya supaya keterangan-keterangan boleh didapati, kerana nama Govindasamy ini banyak di dalam Angkatan Tentera begitu juga dalam Malaysia ini. Jadi saya berharap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu memberikan nama yang sebenarnya pada hari yang tetap berlaku itu, dan pada pukul berapa, dan nombor orang yang terlibat, di manakah tempat-tempatnya itu. Saya berharap Ahli Yang Berhormat yang berkenaan boleh membuat lapuran dan saya memberi akuan dalam Dewan ini, iaitu saya akan mengambil tindakan dan menyiasat hal ini.

Tuan Yang di Pertua: Tuliskan namanya son of Govindasamy misalnya.

LESEN-LESEN TEKSI

Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) bilangan teksi-teksi yang dipunyai oleh bukan pemandu; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengeluarkan lesen-lesen teksi hanya kepada mereka yang memandu teksi mereka sendiri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Bilangan lesen teksi dan kereta sewa yang dipunyai oleh bukan pemandu adalah sukar untuk diperolehi. Walau bagaimanapun kebanyakan daripada lesen-lesen teksi dan kereta sewa yang telah dikeluarkan kepada orang-orang persaorangan adalah dipandu oleh pemilik-pemilik itu sendiri. Sekiranya lesen-lesen teksi dan kereta sewa itu dikeluarkan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan lain, yang tidak akan memandu teksi dan kereta sewa tersebut, maka penentuan

adalah dibuat supaya mereka-mereka ini mengambil pemandu-pemandu samada secara berkongsi atau hanya menjadi pemandu, untuk menjalankan teksi dan kereta sewa tersebut.

- (b) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sewaktu menimbang permohonan lesen teksi dan kereta sewa, adalah memberi keutamaan-keutamaan kepada pemohon-pemohon yang semangnya bekerja sebagai pemandu teksi dan kereta sewa, terutamanya sekali kepada mereka yang terdiri daripada bekas-bekas perajurit dan pasukan keselamatan. Disamping itu juga, Lembaga tersebut adalah memberi keutamaan kepada permohonan-pemohonan secara bersyarikat yang dianggotai oleh bekas perajurit dan pasukan keselamatan yang mempunyai lesen pemandu teksi dan kereta sewa juga.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri sedar iaitu ada juga pemegang lesen teksi yang mempunyai 10 hingga 30 buah teksi, adakah sedar?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, soal dahulunya itu memang ada, masa BMA dahulu. Sesiapa yang menjadi taukeh teksi, bila dia di panggil, diberi 10 atau 20 buah oleh kerana pada masa itu orang lain tidak ada duit dan tidak mahu hendak berniaga, maka orang itu kita tidak boleh hendak potong namanya, melainkan membuat kesalahan. Lesen-lesen teksi itu bila dipotong mengikut Undang-undang, akan diberi kepada seorang, dua atau bertiga atau berkongsi dengan beberapa orang yang boleh memandu. Ini tidak boleh dinafikan di mana-mana di dunia ini pun ada bukan sahaja di Malaysia ini.

KANTIN PELABUHAN PULAU PINANG—KEMUDAHAN

14. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa kawasan pelabuhan Pulau Pinang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan kantin yang sempurna bagi pekerja-pekerjanya, dan jika ya, apakah tindakan yang beliau telah ambil untuk memberi faedah-faedah permulaan kepada pekerja-pekerja.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar yang sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat mestilah tahu bahawa Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang ini ada kantin untuk pekerja-pekerjanya. Lembaga Perburuhan Pelabuhan itu sedang membina sebuah bangunan yang saya diberitahu dan tidak lama lagi akan sempurna dan sebuah kantin akan diadakan untuk pekerja-pekerja mereka itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat menyiasat dengan sehalus-halusnya sebelum bertanya, samada sedar atau tidak. Itu sahaja.

NASIB GURU-GURU DI ULU-ULU

15. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) samada beliau sedar tentang nasib guru-guru di daerah-daerah Ulu yang telah berkhidmat dengan taatnya selama lima tahun ataupun lebih; dan
- (ii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk menentukan bahawa guru-guru ini tidak merasa yang mereka itu mendapat "layanan buruk".

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya sedar. Mengenai soal yang kedua, suka saya menyebutkan bahawa mengenai kedudukan guru-guru di Malaysia Barat, adalah dimaklumkan bahawa di bawah peraturan-peraturan Perkhidmatan Guru yang diPersatukan atau UTS guru-guru di bawah perkhidmatan ini tidak boleh ditukar dari sebuah sekolah ke sebuah sekolah yang lain kerana mereka adalah pekerja-pekerja Lembaga Pengurus atau Pengelola sekolah-sekolah yang tertentu.

Selepas pelaksanaan Lapuran Aziz dan dengan wujudnya Perkhidmatan Pelajaran Kerajaan yang baharu, semua guru yang memilei memasuki perkhidmatan yang baharu ini adalah pegawai² Kerajaan dan mereka boleh diarah untuk bertugas di mana-mana sahaja. Pada masa ini Kementerian saya sedang menyediakan peraturan-peraturan pertukaran guru-guru yang telah lama berkhidmat di sesebuah sekolah, khususnya sekolah-sekolah di kawasan-kawasan yang terpencil. Mengikut kebiasaan guru-guru yang telah berkhidmat selama tiga tahun atau lebih akan diberi keutamaan di dalam hal pertukaran.

Mengenai kedudukan guru-guru di Malaysia Timur saya tidak dapatlah memberi satu jawapan yang tepat kerana guru-guru di kedua-dua negeri di Sabah, di Sarawak adalah di bawah tadbir Kerajaan Negeri, tetapi saya rasa kedudukan guru-guru di sana adalah hampir sama dengan kedudukan guru-guru di Malaysia Barat juga.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar bahawa kedudukan guru-guru di Pantai Timur adalah kurang memuaskan dengan sebab guru-guru yang baru tamat latihan yang dihantar ke Pantai Timur sedangkan mereka adalah baru dalam latihan ataupun baru mengajar dan apakah berkhidmat di Pantai Timur sesudah tiga empat tahun, maka mereka akan dihantar ke Pantai Timur yang bererti lebih jelas di Pantai Timur merupakan tempat latihan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu sedar dan apakah tindakan diambil untuk mengatasi masalah peninggian pelajaran murid-murid di Pantai Timur.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kalau guru-guru itu memohon untuk bertukar, maka kita beri pertimbangan. Kalau mereka tidak memohon untuk bertukar, kita biarkan dia mengajar terus-menerus di Pantai Timur.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran menimbangkan agar guru-guru yang penuh kemahiran yang berada di Pantai Barat terlebih dahulu dihantar ke Pantai Timur daripada guru-guru yang baru tamat dalam latihan.

Tuan Mohammed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kita tidak membezakan kedudukan sekolah-sekolah di Pantai Barat ataupun di Malaysia Timur, kerana semua sekolah-sekolah ini adalah menjadi tanggungjawab daripada Kementerian Pelajaran sendiri dan memang kita ada membuat usaha dari semasa ke semasa supaya kedudukan guru-guru baik di Pantai Timur atau Pantai Barat ini mendapat guru-guru yang baik dari semasa ke semasa.

SEKOLAH-SEKOLAH INTEGRASI NASIONAL

16. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang mengubah semua sekolah-sekolah yang menguruskan pelajaran untuk murid-murid yang berketurunan dari satu bangsa sahaja (umpama "Chung Ling High School") kepada satu sistem di mana murid-murid yang berketurunan dari semua bangsa dapat diterima dalam sekolah-sekolah seumpama itu demi untuk integrasi nasional.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di Pertua, semua sekolah yang menerima bantuan penoh, samada sekolah kebangsaan ataupun jenis kebangsaan, adalah terbuka kepada semua kanak-kanak tanpa mengira keturunan. Begitu juga, tidak ada satu perkara pun yang menghalang seseorang kanak-kanak itu dari memohon memasuki sekolah seperti "Chung Ling High School" itu. Ibu-ibu bapa boleh memilih sendiri sekolah yang mereka ingin menghantar anak-anak mereka, dengan memenuhi syarat umur kanak-kanak tersebut ataupun kekosongan tempat. Dengan yang demikian soal mengubah semua sekolah-sekolah itu seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul.

SURATCARA KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

17. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah sebabnya Suratcara diberikan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman sahaja dan tidak kepada Maktab-maktab yang lain;
- (b) apakah satu jaminan yang diberi dalam Suratcara itu untuk pelajar Melayu belajar dalam Kolej itu;
- (c) bilakah Kolej Tunku Abdul Rahman akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama sebagai syarat untuk menerima bantuan kewangan; dan
- (d) kenapakah Suratcara kepada Kolej Tunku Abdul Rahman itu dibuat dalam bahasa Inggeris.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Ini adalah tidak benar. Semua sekolah dan yaysan pengajian yang ter-takluk di bawah Akta Pelajaran, 1961 (selain daripada yaysan-yayasan yang dikecualikan) perlu mempunyai Suratcara Kerajaan. Perkara ini adalah terkandung di dalam Seksyen 27 (b) kepada Akta Pelajaran, 1961.
- (b) Seksyen 17 kepada Suratcara Kerajaan Kolej Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa Maktab itu tidak dibenarkan mengamal apa-apa perbezaan di antara kaum samada sebagai ahli-ahli Kolej, Ahli Majlis Pengelola atau Jawatankuasa Pengawas, Guru, Pengetua ataupun Penuntut.
- (c) Seperti yang dinyatakan di dalam Suratcara Kerajaan Tunku Abdul Rahman College segala perjalanan Kolej tersebut dikehendaki patuh kepada Akta Pelajaran, 1961 dan peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, dan apa-apa bantuan kewangan yang diberi kepada Kolej Tunku Abdul Rahman adalah berdasarkan pada prinsip ini.
- (d) Suratcara Kerajaan Kolej Tunku Abdul Rahman seperti yang dinyatakan di atas adalah berdasarkan kepada Akta Pelajaran, 1961. Akta Pelajaran, 1961 telah diluluskan sebelum Akta Bahasa Kebangsaan, 1967 dikuatkuasakan. Maka teks yang sah bagi Akta Pelajaran adalah dalam bahasa Inggeris, sehingga Akta tersebut diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia. Seterusnya Suratcara Kerajaan Kolej itu terpaksa juga disediakan di dalam bahasa Inggeris disebabkan perkara ini.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa Kolej Tunku Abdul Rahman ini pada asalnya ditubuhkan untuk menyediakan pelajaran-pelajaran ataupun kursus-kursus yang tidak ada disediakan di Universiti Malaya ataupun di kolej-kolej yang lain, tetapi sekarang ini Kolej Tunku Abdul Rahman telahpun mengajar kursus-kursus yang ada tersedia di Universiti Malaya ataupun di kolej-kolej yang lain.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, saya boleh menjawab perkara itu, tetapi oleh kerana ini tidak berkaitan dengan soalan yang asal, jadi tidak dapatlah saya menjawabnya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita tahu bahawa di Kolej Tunku Abdul Rahman sungguh kurang penuntut-penuntut Melayu belajar di sana, kalau tidak silap saya daripada 400 hanya 19 orang sahaja penuntut-penuntut Melayu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberitahu kepada Dewan ini tentang apakah cara-caranya supaya penuntut-penuntut Melayu di sana lebih bertambah daripada keadaan yang ada, apatah lagi setelah Kolej tersebut akan diberi bantuan sebanyak-banyaknya oleh Kerajaan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Ini, Tuan Yang di Pertua, adalah soalan lain.

PELAJARAN UGAMA ISLAM— MENWAJIBKAN

18. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau bercadang untuk menwajibkan pelajaran Uagama Islam di semua peringkat pelajaran di Malaysia ini.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, mengikut Seksyen 36, Akta Pelajaran, 1961, sekolah-sekolah yang menerima bantuan Kerajaan yang mempunyai 15 atau lebih murid-murid yang beragama Islam, adalah diwajib mengadakan pelajaran Uagama Islam. Ini meliputi sekolah-sekolah Rendah dan Menengah.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di Pertua, soalan saya di semua peringkat.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Kalau semua peringkat, tentulah termasuk sekolah rendah dan menengah.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Sungguhpun ada sekolah rendah dan sekolah menengah mengajar pelajaran Uagama Islam tetapi apa sebabnya kelas Uagama Islam itu tidak diajar dari pukul 8.00 pagi sehingga pukul 1.00 tengahari, tetapi sudah pukul 1.00 tengahari baru diajar. Kenapa pula begini gayanya?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, saya minta notis mengenai perkara ini, kerana perkara ini kita tidak maklum seperti mana yang ada bahawa pelajaran Uagama Islam ini mesti diberi dalam waktu pelajaran sekolah itu sendiri.

MAJLIS PENASIHAT—RANCANGAN TALIVISYEN

19. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri dengan Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan memandangkan kepada kecaman-kecaman terhadap rancangan-rancangan Talivisyen, samada beliau akan menubuhkan suatu majlis penasihat yang dianggotai oleh wakil-wakil parti politik, pertubuhan-pertubuhan sukarela, kesatuan sekerja, pertubuhan belia, badan-badan uagama dan lain-lain untuk memberi nasihat kepada pihak berkuasa T.V. mengenai rancangan-rancangan T.V. dan waktu-waktu siarannya yang sesuai.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di Pertua, Kementerian Penerangan tidak fikir perlu diadakan majlis penasihat sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

KILANG BARANG-BARANG GANTI KAPALTERBANG

20. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah kilang yang mengeluarkan barang-barang ganti bagi kapalterbang-kapalterbang kita sebagai satu usaha bersama dengan negeri-negeri asing dengan tujuan akan memilikinya sendiri kemudian kelak.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan sebuah kilang mengeluarkan barang-barang ganti kapalterbang. Apa yang sedang diselenggarakan sekarang ini ialah menubuhkan sebuah depoh baikpulih kapalterbang yang akan mengendalikan kerja-kerja menyenggara dan membaikpulih enjin-enjin dan alat-alat kapalterbang. Pada peringkat permulaannya depoh itu akan mengendalikan kerja-kerja baikpulih bagi kapalterbang-kapalterbang T.U.D.M. sahaja, dan adalah diharapkan ianya dapat diperbesarkan lagi kemudiannya untuk memberikan kemudahan-kemudahan

kepada MAS dan juga lain-lain syarikat penerbangan tempatan. Setelah tercapai kemahiran dan kecekapan di dalam bidang baikpuluh itu, barulah boleh kita memikirkan untuk memasuki dalam kerja-kerja kejuruteraan yang lebih mendalam seperti membuat barang-barang ganti kapalterbang.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tahu bahawa mengikut maklumat yang saya dapati bahawa pihak T.U.D.M. banyak benar membelanjakan wang untuk membeli alat-alat ganti kapalterbang dengan sebab kapalterbang-kapalterbang yang buruk yang dihidiahkan oleh negara-negara luar dan terpaksa kita membelanjakan wang yang banyak untuk membeli alat ganti daripada negara itu juga. Tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar dan tidakkah beliau memikirkan bahawa lebih cepat mengadakan kilang ataupun sebagainya yang bersamaan dengan kilang bagi keperluan itu adalah lebih baik?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat bertanya samada saya tahu ataupun tidak. Saya katakan saya tahu hal ini dan saya suka menafikan di atas tuduhan yang mengatakan kapalterbang-kapalterbang yang telah diberi dengan percuma kepada kita di masa-masa yang lampau ini buruk dan terpaksa menggunakan alat-alat yang baharu digantikan itu menelan belanja yang begitu banyak.

Saya suka menafikan iaitu kapalterbang-kapalterbang ini yang setengahnya dengan spare partsnya bersama-sama diberikan kepada kita untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Dan saya suka menambahkan lagi, Tuan Yang di Pertua, di dalam kita hendak menubuhkan kejuruteraan-kejuruteraan untuk membuatkan kapalterbang. Oleh sebab dengan kita membuatkan alat-alat spares kapalterbang ini, kita mesti ada kecekapan dan kepandaian untuk membuat kapalterbang pula. Dengan sebab itu adalah menjadi dasar Kementerian Pertahanan yang akan mencuba buat permulaannya membuat depoh seperti yang saya katakan dan jikalau ada orang-orang pada masa akan datang kita akan menubuhkan seperti yang saya jawabkan tadi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan memberitahu di Dewan yang mulia ini tentang usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menghantar orang-orang kita ke luar negeri bagi membolehkan kita mencapai maksud sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk membena depoh ataupun sebagainya bagi keperluan alat-alat kapalterbang kita?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, sekarang ini kita telah menubuhkan sebuah sekolah teknisyen di Kinrara yang telah ada dan telah dijadikan untuk jurulatih-jurulatih memberi latihan-latihan kepada anak-anak kita di sini untuk mempelajari cara-cara teknisyen. Ini kita telah tubuhkan dan saya suka mengatakan banyak daripada pelatih-pelatih yang telah pun mendapat kelulusan untuk menjadi mekenik di bases kita yang ada di dalam negara kita ini. Dan juga buat sementara ini kita telah menghantar jurutera-jurutera (engineers) mempelajari aeronautical engineering di seberang laut supaya apabila mereka ini balik akan menjadi teknisyen dan juga pengajar-pengajar di dalam segi pengetahuan teknikal di bases kita yang ada di negara kita ini dan juga kita telah memberi tawaran scholarship kepada pelajar-pelajar yang suka mempelajari aeronautical engineering yang kita adakan, mungkin akan diadakan di universiti kita ataupun di Institiut Teknologi Kebangsaan kita yang ada di Kuala Lumpur ini dan juga seterusnya di luar negeri iaitu di seberang laut.

PUSAT KAJITEKNIK MAKANAN

21. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) bila Pusat Kajiteknik Makanan akan diambil alih oleh Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan apakah sebab-sebab pengambilalihan ini; dan
- (b) bagaimanakah kedudukan pegawai-pegawai yang berkenaan selepas pengambilalihan ini.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di Pertua, perhubungan di antara pusat kajiteknik makanan dengan Institiut penyelidikan dan kemajuan pertanian Malaysia

(MARDI) masih lagi di dalam timbangan. Buat sementara ini sebuah jawatankuasa penyelarasan bertiga telah ditubuhkan untuk menguruskan pentadbiran pusat itu dengan dipengerusikan oleh pengarah MARDI.

Oleh itu pegawai-pegawai pusat itu sekarang tiada berubah kedudukannya.

TANDANAMA BAGI JURURAWAT

22. Tuan Mustapha bin Hussain (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan peraturan supaya semua jururawat-jururawat memakai tandanama dipakaian mereka untuk kesenangan orang ramai mengenal mereka.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, tandanama-tandanama untuk dipakai oleh jururawat-jururawat telahpun dilaksanakan bermula dengan pelatih-pelatih jururawat yang memakai tandanama-tandanama ini diuniform mereka. Pemakaian tandanama akan diperluaskan lagi kepada kategori-kategori jururawat yang lain.

KEMALANGAN INDUSTRIAL PEKERJA LOMBONG

23. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah kemalangan industrial di kalangan pekerja-pekerja lombong untuk 1970, 1971 dan tempoh sepuluh bulan dalam tahun 1972 dan juga beri angka berkenaan jumlah kemalangan itu yang melibatkan kematian, cedera, tidak berupaya sementara dan tidak berupaya selama-lamanya dan juga menyatakan apa langkah Kementerian telah ambil ataupun ambil untuk merendahkan ataupun menahan kemalangan ini daripada berlaku.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, jumlah kemalangan perusahaan di kalangan pekerja-pekerja lombong ialah 1,354 dalam tahun 1970 dan 1,274 dalam tahun 1971. Maklumat bagi sepuluh bulan pertama bagi tahun 1972 belum lagi diperolehi.

Di antara kemalangan yang berlaku dalam tahun 1970, 50 adalah mengakibatkan kematian, 90 mengakibatkan kehilangan upaya kekal, dan 1,214 mengakibatkan

kehilangan upaya sementara sahaja; dalam tahun 1971 angka-angka itu masing-masing adalah 41, 96 dan 1,137.

Perbekalan-perbekalan bagi menjamin keselamatan pekerja-pekerja di dalam perusahaan termasuk perusahaan perlombongan terdapat di dalam Akta Kilang dan Jentera dan juga undang-undang mengenai perlombongan. Perbekalan-perbekalan ini akan terus dikuatkuasakan oleh Jabatan yang berkenaan itu.

ASKAR MEMBUNUH RAKYAT THAI

24. Tuan V. Veerappen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Kerajaan lambat mengakui pembunuhan enam orang rakyat Thai di dalam satu serang hendap oleh askar-askar Malaysia. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghindarkan perkara itu dari berlaku lagi.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada masa yang lampau.

BEKALAN AIR PAIP KAMPUNG BARU

25. Tuan Chan Fu King minta Menteri Dengan Tugas-tugas Khas menyatakan kampung-kampung baru (i) tanpa air paip, (ii) tanpa bekalan elektrik, (iii) tanpa perkhidmatan pos; dan nyatakan bilakah perkhidmatan-perkhidmatan tersebut akan diadakan.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, mengikut satu penyiasatan yang telah dibuat kampung-kampung baru yang tidak mempunyai bekalan air paip berjumlah lebih kurang 71 buah dan yang tidak mempunyai bekalan elektrik lebih kurang 87 buah.

Memberi bekalan air adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan dan demikian juga bekalan elektrik, iaitu di bawah rancangan pembekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar dengan dibantu oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Membekal kemudahan-kemudahan ini melibatkan perbelanjaan yang banyak.

Adalah diketahui bahawa dari semasa kesemua Kerajaan-kerajaan Negeri memberi bekalan air dan elektrik bagi kampung-kampung mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan masing-masing.

Oleh kerana Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab maka tidaklah dapat saya menyatakan kampung baru mana yang akan mendapat kemudahan-kemudahan itu dan bila, tetapi tanggungjawab saya ialah penyelarasan kemajuan kampung-kampung baru saya ada memanggil Kerajaan-kerajaan Negeri bagi bekalan air dan letrik kepada kampung-kampung baru ini yang mereka ada memberitahu akan ditimbangan.

Berkenaan dengan perkhidmatan pos, Penghantar-penghantar Surat menyampaikan surat-surat ke rumah-rumah di semua kampung-kampung baru diseluruh negeri di Malaysia Barat. Kampung-kampung baru selalu, jika tidak setiap hari, dilawati oleh Pos Bergerak. Peti-peti Surat juga telah ditempatkan di semua kampung baru dan pekerja-pekerja Jabatan Pos selalu mengambil surat-surat dari Peti-peti Surat itu untuk dihantar.

Dikebanyakan kampung-kampung baru ada pula Wakil Pos.

Wakil-wakil Pos diadakan diseluruh negara, di tempat-tempat yang mempunyai penduduk 1,000 orang atau lebih, termasuk kampung-kampung baru.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya hendak bertanya oleh kerana saya tak tahu apa definisinya kampung baru ini. Adakah selepas merdeka 10 tahun atau 16 tahun dinamakan kampung baru atau 10 tahun selepas merdeka dinamakan kampung baru, ataupun selepas 5 tahun dinamakan kampung baru, kerana ada juga Kampung Cina, ada kampung India, ada kampung Melayu. Ada juga kampung Melayu baru dibuka, adakah ini dikatakan kampung baru juga, saya hendak tahu definisi yang sebenarnya.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, tanggungjawab menjaga kampung-kampung baru ialah kampung-kampung baru dibentuk pada masa darurat tahun 1950 hingga 1960.

IJAZAH-IJAZAH UNIVERSITI TAIWAN/TIMUR TENGAH/ NANYANG—PENGIKTIRAFAN

26. Tuan V. Veerappen (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah beliau akan mengumumkan pengiktirafan ijazah-ijazah Universiti dari Taiwan, Timur Tengah dan Universiti Nanyang.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Tuan Yang di Pertua, seperti mana yang telah saya janjikan di Dewan ini pada 5hb Disember saya akan membuat satu kenyataan di dalam Dewan ini pada 21hb Disember, 1972, berkenaan dengan ijazah-ijazah dari Universiti Nanyang, Singapura, dan universiti-universiti di Taiwan dan beberapa ijazah dari beberapa universiti di India. Kenyataan saya ini akan dibuat bila masa saya menjawab kepada perbincangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan, 1973 dan usul yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan.

Mengenai ijazah-ijazah dari universiti-universiti di Timur Tengah, perkara ini masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Di sini dinyatakan ijazah-ijazah Universiti Taiwan, Timur Tengah dan Universiti Nanyang, maka bagaimana pula keadaan di universiti-universiti di Eropah, Perancis, Sepanyol, Amerika, Kanada dan lain-lain tempat? Adakah diiktirafkan atau tidak?

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Itu soalan lain, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 27 adalah diberi di bawah ini).

MAS DI BRUNEI—HAK PENDARATAN

27. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh MAS untuk mendapatkan hak pendaratan di Brunei dan sebab-sebab berlaku kelambatan dalam hal ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Jawapan kepada soalan yang serupa telah-pun saya jawab di dalam Dewan ini pada 15hb Disember, 1972 iaitu Kerajaan sedang berusaha mengikhtirakan cara yang sesuai untuk menyelesaikan perkara ini. Soalan ini serupa dengan soalan bilangan 5 yang telah saya jawab sebentar tadi.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18hb Disember, 1972).

DAN

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

(Usul)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,487,522,103 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1973, dan bagi maksud Kepala dan Pecahan-pecahan Kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di

bawah Kepala Pembangunan atau "(P)" dalam senarai Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah No. 58 tahun 1972, adalah diuntukkan di bawah Kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang bertentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan 6 atau 7 senarai tersebut; dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 23hb Ogos, 1972, mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan-wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1972 adalah dibatalkan (18hb Disember, 1972).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Yang di Pertua, saya ingin menyambung semula ucapan saya di Dewan ini pada hari semalam dan dalam ucapan saya semalam, saya ada menyentuh teknik yang selalu digunakan oleh Ahli Pembangkang iaitu teknik bermain *Tai Chi*. *Tai Chi* ini seperti kita tahu satu silat Cina selalu menolak ke sana, menolak ke sini, tetapi langsung tak dapat satu centre.

Berkenaan dengan teguran atau kritik-kritik mengenai cukai buah-buahan dari negeri asing itu, saya suka menyatakan inilah satu langkah yang cukup baik untuk Kerajaan kita memberi perlindungan kepada peladang-peladang atau petani-petani menanam buah-buahan di dalam negeri kita. Apa salahnya kalau kita boleh buat satu kenyataan iaitu "A banana a day will drive the doctors away" instead of "An apple a day will drive the doctors away". Begitu juga apa salahnya kalau kita boleh buat kenyataan begini:

"One slice of water-melon can drive the doctors away" instead of "One apple a day can drive the doctors away".

Dan juga kita mestilah tahu iaitu inilah satu langkah Kerajaan untuk menggalakkan atau meluaskan landasan-landasan dalam segi pertanian kita. Saya selalu dengar Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti-parti Pembangkang berkempen mengatakan kita mesti selalu menolong orang miskin, menolong petani-petani kecil. Inilah satu langkah yang Kerajaan kita buat, tetapi mendapat tentangan yang kuat dari parti-parti Pembangkang itu.

Berkenaan dengan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyebutkan tentang kenaikan cukai, itu adalah baik kalau kita dapat pungut secara langsung, atau direct taxation, dan mengikut Ahli Yang Berhormat rakan saya dari Muar Dalam menyatakan kita mestilah mengubah cara pentadbiran kita dalam memungut cukai itu, kerana sudah patut kita mengubah sikap mengikut zaman, ikut prinsip equality dan redistribution. Kalau cukai-cukai dapat dikutip secara langsung tentulah berfaedah untuk negara kita.

Mengikut pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, kalau boleh secara langsung pungutan cukai itu dijalankan adalah lebih baik, tetapi walaubagaimanapun kita kena membayar juga. Saya harap kalau pada satu masa kita melaksanakan pungutan cukai itu secara langsung, maka kita semua patutlah bersama-sama memikulnya.

Dalam belanjawan ini, Tuan Yang di Pertua, kita dapat tahu Kerajaan adalah berusaha mencari wang yang banyak untuk membiayai beberapa rancangan bukan rancangan kecil, tetapi juga rancangan yang besar-besaran untuk pembangunan negara kita.

Di dalam belanjawan ini kita dapat tahu ada 1/5 jumlah belanjawan itu untuk perkhidmatan masyarakat. Di dalam bahagian itu kita dapat tahu peruntukan yang besar telah diutukkan bagi pelajaran dan kesihatan di negara kita.

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kita kerana itulah satu langkah yang cukup bijak. Itulah juga satu langkah yang cukup memandang jauh ke hadapan oleh kerana negara kita yang sedang membangun dan sedang menempuh suatu cabaran zaman dalam bidang sains dan teknologi yang mana kita mesti mendapatkan wang yang banyak untuk mendirikan bangunan-bangunan yang moden dan alat-alat yang baik bagi kegunaan sekolah-sekolah untuk menjayakan segala tujuan kita. Itulah satu tanaman modal atau investment yang cukup baik untuk sebuah negara yang sedang membangun seperti negara Malaysia kita ini.

Tuan Yang di Pertua, saya suka membuat sedikit pandangan atau rayuan berdasarkan pengalaman saya sendiri dan apa-apa yang

saya serukan di Dewan ini adalah mengikut corak perpaduan, muhibbah dan mengikut dasar ekonomi baharu kita.

Saya suka menyentuh sedikit dalam perkara keciciran murid-murid di negara kita ini. Saya sendiri, Tuan Yang di Pertua, sebagai seorang Pengerusi Lembaga Sekolah bagi tiga buah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah di kawasan Bentong dalam negeri Pahang. Dan saya rasa barangkali saya ada sedikit kuasa untuk berucap dalam perkara ini.

Keciciran adalah satu masaalah yang boleh dikatakan bukanlah berlaku di satu tempat sahaja, tetapi pada masa sekarang ini keciciran yang berlaku setiap tahun adalah menjadi satu masaalah kebangsaan yang berlaku di mana-mana sekolah samada di luar bandar ataupun di dalam bandar, semuanya menghadapi masaalah keciciran murid-murid.

Keciciran murid-murid ini kebanyakannya mengikut perhatian saya adalah berlaku di sekolah menengah. Ada pihak yang mengatakan masaalah keciciran ini ialah oleh kerana kemiskinan. Ada setengahnya menyatakan disebabkan oleh sikap kelemahan ibubapa dan ada juga yang menyatakan keciciran murid-murid ini oleh kerana murid-murid itu sendiri tidak ada kebolehan atau tidak cekap dalam pelajaran. Ada setengah pihak pula mengatakan oleh kerana kesalahan guru-guru yang tidak memberikan pelajaran dengan cukup, jadi minat murid-murid itu langsung hilang. Berbagai-bagai alasan telah ditimbulkan dan bagi pihak Kementerian Pelajaran sudah pun membuat satu kajian dan penyiasatan atas perkara ini. Tetapi mengikut pandangan saya, kalau masaalah ini dapat kita selesaikan dalam masa yang singkat, tentulah boleh menyelamatkan banyak anak-anak kita khususnya dalam tingkatan sekolah menengah di negara kita ini. Saya suka mencadangkan iaitu kita patut mengadakan suatu sistem pelajaran secara percuma dari sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah, samada di sekolah kebangsaan mahu pun di sekolah jenis kebangsaan. Saya percaya, kalau kita boleh memberikan pelajaran secara percuma kepada murid-murid sekolah menengah, tentulah kita boleh mengatasi sekurang-kurangnya sebahagian daripada masaalah keciciran itu.

Yang kedua, Tuan yang di pertua, kita pun dapat jasa baik dari Kementerian Pelajaran yang melalui persuasian atau penasihat kepada pengeluar-pengeluar buku atau firma-firma buku atau pentadbir-pentadbir buku-buku di dalam negara, kita dapatlah mengurangkan 10% buku untuk sekolah-sekolah kita. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, 10% ini, saya ingat sangatlah rendah. Kalau kita boleh meninggikan sampai 20% atau 30% dan kalau kita boleh tambahkan lagi 10%, yang mana kedai-kedai atau pengeluar-pengeluar buku ini adalah satu cara yang senyap untuk guru-guru besar itu, saya fikir perkara ini boleh dapat diselesaikan.

Sekarang saya dapat tahu iaitu guru-guru besar kita dalam semua sekolah-sekolah di negara kita ini menerima Lapuran Aziz. Ini boleh dikatakan cukup secured, masa hadapan yang cemerlang dan saya harapkan perkara yang kita semua tahu apa yang dibuat dahulu oleh pengeluar-pengeluar atau kedai-kedai buku itu kepada guru-guru besar itu bolehlah diserahkan kepada murid-murid kita.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, masa sekarang kita dapat tahu banyak lembaga-lembaga sekolah dan juga banyak penyokong-penyokong sekolah-sekolah kita di seluruh negara kita ini adalah membuat langkah-langkah menayangkan filem atau menganjurkan concert atau fun fair dan sebagainya untuk mengutip wang menolong seperti membeli buku atau membayarkan bayaran sekolah untuk sekolah-sekolah masing-masing. Dan ini ada menimbulkan satu masalah, oleh kerana langkah-langkah yang mereka buat misalnya, menayangkan filem-filem itu selalu kena membayar cukai hiburan kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Kalau kita dapat kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing mengecualikan cukai hiburan ini, bila lembaga-lembaga sekolah-sekolah itu membuat rayuan. Kalau boleh dikecualikan, saya fikir ini pun satu langkah yang cukup baik. Kita boleh menolong mengatasi masalah keciciran murid-murid kita itu.

Yang keempat, Tuan Yang di Pertua, saya sebagai seorang yang datang dari Pantai Timur, Malaysia Barat, saya dan rakan-rakan saya selalu berfikir kalau kita boleh membentuk sebuah universiti di Pantai Timur, di Malaysia Barat, tentulah kita boleh bukan menolong kawasan Pantai Timur

dapat nama baik, tetapi kita boleh menarik banyak orang-orang dalam negara kita ke Pantai Timur dan juga kita boleh menarik pelancung-pelancung dari dalam dan luar negeri ke Pantai Timur, Malaysia Barat kita.

Baharu-baharu ini saya membaca dalam suratkhbar, Hakim Tan Sri Suffian, ada bercakap iaitu pandangan beliau dalam Ibu Kota Kuala Lumpur kita boleh diadakan 3 buah universiti sahaja. Kalau hendak buat lebih universiti patutlah dibuat di tempat yang jauh sedikit. Saya fikir, Tuan Yang di Pertua, kalau kita boleh buat satu universiti di Kota Baharu, atau di Kuala Trengganu, atau di Kuantan yang mana kita tahu di tempat-tempat itu cukup baik dan ada anak-anak kita yang cerdek-pandai dan tempat-tempat itu juga ada pandangan yang indah dan bolehlah, saya fikir sesuai untuk pembentukan sebuah universiti di Pantai Timur Malaysia Barat.

Tuan Yang di Pertua: Berapa lama lagi?

Tuan Chan Siang Sun: Lima minit lagi, Tuan Yang di Pertua?

Tuan Yang di Pertua: Saya hadkan 15 minit, ini sudah setengah jam, tetapi bolehlah 5 minit lagi. Jangan lebih, lima minit sahaja.

Tuan Chan Siang Sun: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua. Berkenaan pelajaran, saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan latihan guru-guru.

Saya menyokong juga rayuan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Ulu Selangor dan juga Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Batu Pahat iaitu dalam negara kita sekarang ada 2,000 lebih guru-guru sementara dan mereka itu adalah membuat perkhidmatan atau tugas-tugas dalam segi pelajaran lebih tiga atau empat tahun di sekolah-sekolah masing-masing. Mereka itu telah membuat rayuan dan khasnya rayuan kepada M.C.A. dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, supaya mereka boleh dapat peluang dalam latihan tetap. Kalau ada syarat yang berat terhadap mereka, saya berharap syarat-syarat itu boleh dilonggarkan supaya mereka boleh berpeluang mendapat latihan dan masa akan datang boleh dijadikan guru-guru yang "permanent" atau tetap.

Di sini saya berharap Menteri yang berkenaan dan juga pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam latihan guru-guru ini dan saya tahu mereka ini adalah orang yang bijak, orang yang cukup bersimpati dan saya harap 2,000 orang lebih guru-guru sementara ini boleh mendapat peluang latihan tetap untuk mereka itu.

Dalam segi kesihatan, Tuan Yang di Pertua, saya suka membuat rayuan kepada Menteri yang berkenaan, kalau boleh kita dapat membina lebih banyak hospital-hospital baharu atau membaiki Hospital-hospital di Daerah-daerah dan khasnya di Pantai Timur Malaysia Barat ini. Dan juga saya harap kalau kita boleh dapat doktor-doktor atau pakar-pakar bedah untuk Hospital-hospital Daerah kita oleh kerana masa sekarang kita sangat kekurangan pakar-pakar atau doktor-doktor bedah untuk hospital-hospital di daerah pantai timur kita.

Akhirnya, Tuan Yang di Pertua, saya suka membuat sedikit rayuan bagi pihak petani-petani dan juga bagi pihak orang-orang yang membuat ternakan di negeri kita ini oleh kerana sekarang harga makanan-makanan untuk ternakan sangatlah tinggi dan banyak orang-orang yang membuat ternakan ini menghadapi masalah-masalah yang sangat rumit dan saya harap kepada Kerajaan atau Kementerian Pertanian dan Perikanan dan Jabatan Haiwan, boleh membuat satu langkah atau satu kajian yang mana kita kalau boleh menolong mereka atau boleh menolong merendahkan harga makanan untuk ternakan-ternakan dalam negara kita ini. Dan oleh sebab ternakan ini adalah satu industri atau satu segi dalam pertanian yang cukup mudah dan cukup menggalakkan dalam negara sekarang ini, dan saya harap Kerajaan mestilah memandangkan perkara ini dengan berat dan kita mestilah menjalankan apa-apa yang boleh menolong orang-orang yang menternak haiwan di dalam negara ini.

Tuan Yang di Pertua, saya suka mengulang sekali lagi dalam belanjawan ini, bahawa kita dapat tahu Yang Berhormat Menteri Kewangan kita adalah membuat kajian yang cukup tinggi kepada orang-orang kita yang kaya dalam negara kita ini mestilah menceburkan diri dalam lapangan perindustrian. Kalau kita tidak buat perindustrian atau kalau kita melepaskan peluang sekarang, barangkali masa akan datang kita dapat

ditinggalkan di belakang. Sekarang ialah satu zaman moden dan sekarang Kerajaan kita menggalakkan atau membuat macam-macam insentif kepada orang-orang kita ke arah kemajuan dalam segi perindustrian.

Jadi itulah, Tuan Yang di Pertua, ucapan saya dan sesungguhnya saya menyokong penuh soal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab (Hilir Perak): Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan sejawat saya menyokong atas Bill yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan beberapa hari yang sudah.

Di antara lain, Tuan Yang di Pertua, saya suka menyentuh dalam segi Perbendaharaan iaitu sebagaimana kita sedia maklum, pegawai-pegawai Kerajaan yang telah diberi pindaan gaji mengikut Suffian Report, maka di situ juga tumbuhnya satu ikhtiar daripada Kerajaan iaitu untuk memberikan cara kemudahan kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita bagi mendapatkan rumah tempat kediaman mereka khasnya apabila mereka telah bersara dari jawatan kelak.

Setahu saya ada sebuah Syarikat yang bernama Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad (Government Servants Housing Development Company) yang dibiayai oleh Kerajaan dengan tujuan tidak asing lagi ialah memberikan kemudahan-kemudahan bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang tinggal di Kuala Lumpur ini untuk mendapatkan tanah dan rumah bagi mereka.

Yang menjadi tanda-tanya kepada pegawai-pegawai Kerajaan itu ialah berkenaan dengan harga tanah. Kita semua sedar bahawa harga tanah di sekitar Kuala Lumpur ini adalah tinggi. Tetapi dalam begitu tingginya janganlah hendaknya sebidang tanah yang diminta oleh seseorang pegawai Kerajaan itu harganya lebih tinggi ataupun sama tingginya dengan harga rumah yang pegawai itu mampu mendirikan.

Tuan Yang di Pertua, soal ini telah mendatangkan satu kegelisahan kepada rakan-rakan saya yang masih tinggal di sini iaitu bunyinya harga tanah yang akan diberi

kepada seseorang pegawai itu mungkin mencapai harga kepada \$3 satu kaki persegi dan di sini jikalau mengambil perhitungan 60 kaki persegi untuk sebidang rumah maka di situ sahajalah mendatangkan harga hampir \$20 ribu dan bagaimanalah pula harga rumahnya yang didirikan oleh seseorang itu?

Tuan Yang di Pertua, keadaan-keadaan pegawai Kerajaan ini walaupun gaji mereka itu telah dipinda mengikut Suffian Report, kita tahu baik-baik yang bahawa dengan pendapatan itu adalah hampir serupa dengan pendapatan pada masa tempoh hari dahulu iaitu gajinya dengan sarahidupnya dan sewa rumahnya. Maka jika Kerajaan tidak mengawasi kepada perjalanan syarikat yang saya sebutkan tadi yang memberikan sebidang tanah dan sebuah rumah untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang memohon dan pegawai itu seharusnya memohon kepada Kerajaan, Perbendaharaan negara kita untuk mendapatkan pinjaman wang itu, maka adalah dikhuatirkan, kalau tidak diawasi polisi Kerajaan ini akan hancur, ataupun tidak dapat menunjukkan kepada yang dimaksudkan. Kerana tingkatan pegawai-pegawai Kerajaan ini banyak, bukanlah semuanya tingkatan atas—atas division yang tinggi, ataupun gaji yang begitu lumayan dan banyak diantara mereka itu yang bergaji \$500 atau \$1,000 ke bawah, tetapi inilah pegawai Kerajaan yang harus diberi layanan oleh Kerajaan dengan diawasi ke atas syarikat ini melancarkan keadaan developmentnya bagi rumah-rumah kepada pegawai-pegawai tersebut.

Tuan Yang di Pertua, di antara lain saya juga suka menyentuh berkenaan dengan perkara yang ada dihadapan kita iaitu berkenaan dengan banjir. Yang pertamanya, kita harus mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kebajikan Am, dan pegawai-pegawai Kementerian itu yang bertugas di seluruh negara kita yang telah memberikan seberapa pertolongan dalam masa kecemasan yang melanda Negeri-negeri khasnya pada masa sekarang ini di Kelantan, Trengganu, Johor dan juga negeri Perak.

Tuan Yang di Pertua, yang menjadi tanda tanya kepada kita ialah usaha-usaha daripada pihak Kerajaan yang kita fahamkan telah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pusatnya, Negerinya untuk memberikan kemudahan-kemudahan kepada mangsa-

mangsa banjir itu supaya tidak ianya mengorbankan wang yang begitu banyak, harta ataupun jiwa yang begitu banyak. Hingga hari ini, kalau tidak silap saya, sudah lima jiwa terkorban dalam banjir yang ada pada masa sekarang.

Tuan Yang di Pertua, jika diperhatikan sebab-sebabnya yang mendatangkan banjir itu yang kita ketahui sepintas lalu tidak lain dan tidak bukan ialah dengan adanya pembangunan negara kita yang begitu pesat iaitu hutan belantara yang telah ditebang begitu juga gunung-gunung, dan ini adalah mendatangkan tanda-tandanya kepada kita. Jikalau betul 100% akibat dari pembangunan negara yang mendatangkan banjir tahun demi tahun kepada negara kita ini, tidakkah ada satu jalan yang boleh Kerajaan Persekutuan hasnya Kerajaan Pusat ini dan tiap-tiap Kerajaan Negeri membetulkan, menyelaraskan, katalah sumpama tanah-tanah yang tinggi, jika tidak silap saya semasa saya berkhidmat tempoh hari sebelum perang, tanah-tanah yang agak curam setinggi 17 degree tidak boleh dikeluarkan ataupun setinggi-tinggi 24 degree dengan sebab-sebab memikirkan akibat-akibat yang boleh mendatangkan kepada penduduk-penduduk yang ada di tanah-tanah yang rendah.

Sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, kalau kita lihat sekitar negara kita boleh jadi tanah itu yang curam 45 degree, 50 degree pun ada dikeluarkan untuk dijadikan kebun dan kebun ini bagi meninggikan pembangunan dan hasil mahsul negara kita. Jadi yang menjadi tanda-tanya itu, adakah tidak terfikir oleh Kerajaan bahawa dengan secara membangun itu sahaja membiarkan beberapa ribu pula penduduk-penduduk yang duduk di tepi sungai seperti sungai Kelantan, sungai Trengganu, sungai Perak, sungai Pahang dan ditiap-tiap negeri kita ada mempunyai sungai yang diduduki oleh penduduk-penduduk kita khasnya bumiputra yang mengalami akibat-akibat yang teruk ialah kaum-kaum bumiputra akibat daripada pembangunan yang begitu pesat, Tuan Yang di Pertua, tebang-menebang hutan itu dan ini dan meratakan tanah-tanah curam yang dikeluarkan, semuanya ini air yang turun waktu hujan akan melimpah ke tempat yang rendah dan juga bukan melimpah sahaja bahkan akan mendatangkan tohor kepada sungai-sungai tersebut tadi.

Tuan Yang di Pertua, kewangan yang diserahkan kepada pihak Kementerian Kebajikan Am jika diambil tahun demi tahun barangkali jumlah itu boleh pula digunakan untuk memikirkan satu jalan mendalamkan sungai umpamanya. Kalau kita pandang di Kuala Lumpur sungainya agak kecil boleh di dalamkan, tetapi bagi kawasan sungai yang besar-besar bagaimanakah iktiar untuk mendalamkan sungai itu.

Pada fikiran saya, Tuan Yang di Pertua, inilah satu usaha yang agak aktif patutlah bila diusahakan nanti, iaitu bagaimana hendak mengatasi banjir itu ataupun hendak mengurangkan kemusnahan yang datang dari pada banjir itu.

Tuan Yang di Pertua, dalam hal lain, saya suka menyentuh berkenaan dengan jimat-cermat di dalam Pejabat-pejabat Kerajaan. Di sini sebagai Tuan Yang di Pertua, dan berapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang pernah berkhidmat di masa penjajah, berkhidmat di masa Jepun, berkhidmat di masa BMA dahulu dan seterusnya hingga sekarang haruslah tahu bagaimana cara jimat-cermat yang boleh dilakukan lebih-lebih lagi dalam zaman kita merdeka ini. Sebab saya katakan begitu ada dalam setengah-tengah jabatan itu perkara yang patut dicermatkannya disitulah dia mengurangkan kewangan dan satu pihak yang patut dia mengeluarkan wang di situlah datang cermatnya.

Tuan Yang di Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan kawasan bendang di Sungai Manek, Labu Kubong. Di sini kami penduduk-penduduk bendang sana sebagaimana saya suarakan tempoh hari adalah benar-benar menghargakan rancangan Kerajaan dalam menanam padi dua kali setahun. Tetapi yang mendatangkan tanda-tanya, Tuan Yang di Pertua, adalah kekurangan kaki-tangan ataupun buruh-buruh khasnya bagi pihak J.P.T. yang menyelenggarakan bendang-bendang di dua buah mukim, Labu Kubong dan Sungai Manek. Maka dengan sebab kekurangannya buruh-buruh tersebut, maka terjadilah sungai-sungai, sungai kecil, taliainya tidak dapat berjalan dengan beres iaitu penyuciannya kerana disebabkan kurang daripada had bilangan, jika dibandingkan dengan masa dahulu, sebagaimana saya difahamkan masa mula-mula bendang itu dibuka.

Tuan Yang di Pertua, penduduk-penduduk bendang faham iaitu kawasan bendang ini telahpun luas dan dengan itu Kerajaan harus berfikir dengan luasnya bendang di dua buah mukim haruslah buruh-buruh ini ditambah dan dilipat-gandakan supaya bendang-bendang itu dapat diusahakan oleh pengusaha-pengusaha bendang itu dengan agak sempurna bukan dikehendaki 100% sempurna tetapi 70—75% pun sudah cukup.

Sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, terjadi di dalam mukim-mukim tersebut tadi pertelingkahan di antara peserta-peserta bendang itu, yang mana duduk berhampiran dengan taliair itu dialah yang mendapat air yang agak kuat dan penuh dan jika dia hendakkan senantiasia penuh dia lalu mengempang perjalanan air itu dan kawannya yang di belakang pula dapat kurang air. Di sini berlakulah kekecohan di antara peserta-peserta di antara satu dengan lain. Walaupun kerja-kerja itu adalah salah pada segi undang-undang, pada segi peraturan yang mengenai Jabatan Parit dan Taliair, tetapi manusia, Tuan Yang di Pertua, untuk mencari kehidupan yang agak tinggi daripada yang sedia ada, dia harus melakukan kerja-kerja yang agak salah pada undang-undang.

Tuan Yang di Pertua, saya suka sekali merayu kepada Kementerian yang berkenaan agar kiranya dapat dilihat perkara ini supaya buruh-buruh yang sudah bersara, yang sudah mati di kedua-dua kawasan ini, kawasan bendang Labu Kubong dan Sungai Manik ini dapat dipenuhi dan di samping itu ditambah lagi bilangannya supaya mendapatkan kemudahan kepada peserta-peserta bendang itu bagi menghasilkan maksud mereka bertanam padi dua kali setahun dengan beresnya.

Tuan Yang di Pertua, perkara yang lain yang menyentuh jimat-cermat juga iaitu kereta ambulan di hospital-hospital. Saya tahu benar hospital di Ipoh, saya seorang pelawat di Hospital Besar di Ipoh itu pernah ditanyakan kadang-kadang pada satu ketika ambulannya itu semuanya sudah tiga cylinders, tidak dapat berjalan dengan teratur dan bangkai ambulan itu masih berpuluh-puluh yang tersandar di dalam kawasan Hospital Besar, Ipoh itu yang tidak dikeluarkan, samada di lelong ataupun cara yang boleh mendatangkan kewangan kepada Kerajaan. Jadi, Tuan Yang di Pertua, dahulu kita tahu baik-baik di sesebuah hospital tidak ada Pegawai Pentadbir, tetapi sekarang

sudah ada Pegawai Pentadbir. Saya berharap yang mendatangkan menjolok mata di dalam perkara ini dapat diatasi oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, sebuah hospital luar bandar di Cangkat Melintang. Walaupun dia berada di dalam kawasan Parit, tetapi orang yang menggunakan adalah kebanyakannya daripada kawasan-kawasan Hilir Perak, dan saya juga pernah singgah di hospital itu dan saya dapat faham bahawa penduduk di luar bandar khususnya dalam kawasan Parit dan kawasan Kampung Gajah termasuklah kawasan yang sampai ke Hilir Perak ini merasa besar penghargaan mereka itu terhadap Kerajaan yang telah mengujudkan sebuah hospital luar bandar itu, tetapi yang menjadi tandanya ialah ambulan pula. Tidak ada langsung ambulan ditempatkan di situ sampai sekarang ini. Saya difahamkan agaknya moga-moga dapatlah ditempatkan sebuah ambulan pada tahun hadapan. Ambulan di Hospital Cangkat Melintang ini sangat-sangat perlu, kerana Cangkat Melintang itu terletak di tengah-tengah betul, iaitu banyak bagi kampung yang dialirnya termasuklah Telok Bakong, Lamboi, Pulau Tiga, Telok Sari sampai ke Kampung Gajah hingga sampailah sempadan dengan bendang dan hulunya hingga sampailah ke Parit. Dengan sebab itu, ambulan di situ sangat mustahak dan buat masa ini yang saya difahamkan ada sebuah land rover yang dipinjamkan oleh Jabatan Pencegah Malaria, dari Kementerian Kesihatan juga kepada hospital itu. Jikalau ada kes-kes orang sakit dibawalah dengan land rover itu.

Tuan Yang di Pertua, membawa orang sakit dalam land rover ini kita fahamlah. Kita yang penuh kesihatan kalau berjalan dalam land rover agak jauh pun boleh jatuh sakit juga dengan sebabnya.

Saya merayulah kiranya moga-moga hospital di Cangkat Melintang itu dapat dibekalkan dengan suatu kereta ambulan secepat mungkin. Walaupun hospital itu belum dirasmikan pembukaannya, tetapi dia telah dibuka sejak bulan November dan sambutanannya adalah sangat baik.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Panjang lagikah Ahli Yang Berhormat? Sudah lebih 15 minit.

Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab: Sedikit lagi, Tuan Yang di Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dua tiga minit lagi?

Tuan Haji Ahmad Damanhuri bin Haji Abdul Wahab: Akhirnya ialah dalam perkara income tax. Saya adalah menyokong beberapa pandangan daripada sahabat saya dalam perkara income tax ini, iaitu dalam penilaian yang diletakkan kepada wage earnernya \$2,000 dan isterinya \$1,000 maka di sini saya merayu kepada pihak Kerajaan nilai itu adalah dibuat pada masa sebelum merdeka dahulu.

Pada hari ini kita pun faham bahawa harga kopi akan naik 5 sen tidak lama lagi. Jadi penilaian itu haruslah dipersesuaikan \$2,000; \$1,000; \$750 dan \$500 itu kepada keadaan masa sekarang. Mudah-mudahan pegawai-pegawai Kerajaan yang bergaji kecil akan dapat menyesuaikan dengan pendapatan mereka itu dengan perbelanjaannya dan dengan cukai pendapatan.

Yang akhirnya, berkenaan dengan rayuan orang pencen, iaitu bagaimana rayuan yang telah dibuat oleh saudara-saudara yang telah sudah, iaitu orang-orang yang berpencen terdiri dari berbagai-bagai kategorinya. Ada orang pencen sebelum merdeka, ada orang pencen selepas merdeka, ada orang yang pencen sebelum perang, ada orang yang pencen selepas perang. Semuanya ini, Tuan Yang di Pertua, harus difikirkan oleh Kerajaan. Jikalau seseorang itu mendapat pencen sebelum perang katakanlah pencennya itu \$30 hingga sekarang ini tidak terbela.

Tuan Yang di Pertua, dengan ini saya merayu sementelah telah ada Persatuan Orang-orang Pencen yang telah diwujudkan di Ibu Negara ini dan sampai di tiap-tiap Negeri ada cawangan-cawangannya. Mudah-mudahan Kerajaan akan memandang khidmat orang-orang pencen, khususnya yang telah memberi jasa kepada negara.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): Tuan Yang di Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Saya harap Ahli Yang Berhormat bila berucap jangan lebih daripada 15 minit, sebab ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap.

Tuan Goh Hock Guan: Tuan Yang di Pertua, 10 minit sahaja.

(*Dengan izin*) Sir, the Finance Minister has given the country a relatively mild and painless Budget, except for his new taxes on apples, oranges and electrical and gas appliances, which I hope he will reconsider, because a great number of the lower income groups will be affected. On the whole, there are some commendable features. Now, two of these welcome measures which I fully endorse are:

- (1) The Government's intention to remove taxation on world income earned by Malaysians at home and overseas. This would encourage our people to be more adventurous and to go overseas to operate and to compete with the rest of the world; at the same time it would encourage overseas investors to come to Malaysia.
- (2) Encouraging the consumption of our local fruits would help our local farmers and also create some extra employment.

There are, however, Sir, two painful features in our economy arising from the speech made by the Finance Minister which I am most concerned about. These are, firstly, the disproportionate spending by Government in 1971 and 1972, which was in excess of over 33% well above that provided for under the Second Malaysia Plan. Government expenditure as allocated for the five-year period between 1971 and 1975 was a total of \$7,250 million, but an additional \$1,047 million would be required now, because of rising defence needs and the need to lend money to PERNAS, MARA, UDA, Lembaga Padi, State Governments and other statutory bodies. It is essential that these bodies be helped. It is also equally essential for everybody's sake that this be done wisely so that the economy of the country can take it, so that we can ensure that the goose that lays the golden eggs does not die of exhaustion from the over excessive demands made on it. There should be, Sir, a judicious balance between what the country can produce and what the country ought to spend. As an example of what I mean, the rate of Government spending today is increasing three times faster than the growth of the national economy, and clearly this is a

disastrous trend. The Government obviously must learn to be more thrifty, to spend within the allocated sum of money provided for, and not recklessly spend as and when it pleases without regard to the safety of this country, until even the Finance Minister is driven to despair, so that today he has to increase taxes on the humble apples and the oranges.

The deficit that this country experiences every year gives rise to concern. In 1971, the development expenditure exceeded the Budget Estimates by \$195 million resulting in an overall deficit of \$1,050 million. In 1972, there was a current deficit of \$49 million instead of the estimated surplus of \$69 million, resulting in an overall deficit of \$1,126 million, which is \$307 million more than the figure anticipated by the Minister of Finance in his last Budget speech.

Now, the Minister of Finance tells us that the overall deficit for 1973 is going to be \$1,307 million. This is a colossal deficit and must mean more Government borrowing from the "Chettians", a draw down of realizable assets and foreign reserves leading ultimately—and we hope not—to the bankruptcy court.

Now, Sir, is all this really prudent financing? Should we not look for better ways to spend within our means? This brings me to the second unsatisfactory feature of the economy.

Whilst the Government is spending like "mad"—to use a colloquial expression—the private sector on the other hand is not able to come forward to invest as much as it should. Under the Second Malaysia Plan, \$7,250 million is the total investment expected from the private sector. Sir, apart from some active building activities in the Kuala Lumpur area, private investment has practically stagnated since the boom of 1970. This really is crucial because the degree of private investment forms a good indicator as to whether we have a sick or a healthy economy.

The Government must find out from businessmen, bankers, industrialists and the commercial people why people do not want to invest; what is wrong; and how Government can help to overcome the obstacles, the red-tapes and the uncertainties. I do not think that it is good enough for Government people

to sit in the cosy comfort of their air-conditioned rooms. They should go out from house to house, from shop to shop, from one industry to another industry, to find out what needs improving from the Government side, so that the private sector can come forward to invest with confidence and to meet the quota of investments that is expected from them under the Second Malaysia Plan. The Government, therefore, must for a change learn to be more co-operative, more enthusiastic, to serve the private sector and the people, instead of following the old ways of, "Well, I am the Government; I am the law; I am the power; you just do what I tell you". This is not just a figure of speech and, as we have seen in formulating the Second Malaysia Plan, the Government did not take the trouble to consult the private sector first, and so we are now faced with one big question. Is the Second Malaysia Plan heading for success or failure?

One must fervently pray that success awaits us, because in a very real sense the life of this country hinges upon that success. If failure is at the end of the road, and by now we should be able to assess it fairly accurately, then it is difficult to see how the political stability and the peace that we want could be maintained in Malaysia.

The shortcomings in the Plan must now be quickly remedied and, as a first step, I suggest two major inquiries into:

- (i) why private investment is not forthcoming and how Government can step in to help the private sector further; and
- (ii) why the Government is unable to curb its own spending and how stringent economy could be introduced into the Administration consonant with the needs of national development.

Lastly, Sir, on unemployment, the present Government efforts are grossly inadequate to solve the problems, and I urge new measures and programmes. With the small size of our population, only 11 million people, which is what the People's Republic of China produces every year, we should be able to provide jobs for everyone who is willing to work, and look at all that land, rich in resources, at our disposal.

So, I hope, Sir, that this matter would be attended into and we can look forward to a brighter New Year for all our people and I would suggest, Sir, that the key to accelerating the economic growth, which is what is really needed in this country, that key must lie firstly in a more vigorous political leadership; and secondly in a total overhaul of our whole administrative system which in many ways is still archaic and slow; and thirdly, I believe, the National Land Code. The Land Code, upon which we now have to operate with Government officers at levels—Federal, State and other levels—have to conform with and operate, is an ancient colonial piece of document which frustrates the economic development and contributes to the great delays—delay in conversion, delay in getting industries started, delay in getting land for low-cost housing. I think that very archaic piece of instrument should also be now completely overhauled. If we can do these three things—political leadership, a vastly improved administrative system, backed by a modern piece of Land Code—then I think we will be on our way.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubong): Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang Anggaran Perbelanjaan Tahun 1973 yang sedang dibahaskan di dalam Majlis yang mulia ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, dengan adanya Anggaran Perbelanjaan yang beribu-ribu juta ringgit ini untuk tahun yang tersebut di atas, maka saya harap kepada pihak yang berkenaan dengan sepenuh-penuh percaya dan yakin supaya pihak yang berkenaan menggunakan wang ini dengan sebaik-baiknya serta dengan sepenuh-penuh keadilan supaya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang mana tercatat di dalam Buku Merah yang bermaksud hendak memperseimbangkan taraf orang-orang yang ada dengan orang-orang yang tidak berada.

Tuan Yang di Pertua, bersabit dengan perkara yang saya sebutkan di atas sangatlah mustahaknya kepada rakyat yang tidak berada yang berbilang kaum di dalam negeri kita ini dan sekiranya perkara ini tidak dilaksanakan selaras dengan Dasar

Ekonomi Baru seperti yang tersebut di atas, maka hampalah harapan rakyat yang tidak berada dan putuslah harapan mereka akan merasa nikmat yang sedang dinanti-nantikan oleh mereka.

Tuan Yang di Pertua, dengan hal yang demikian, saya dengan sukacitanya merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian dengan sepenuh-penuhnya supaya wang yang tersebut ini tidak salah digunakan.

Tuan Yang di Pertua, izinkanlah saya merujuk sedikit kepada masalaah gula dan beras untuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, biasanya pihak Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak seperti yang saya ketahui berkehendakkan orang yang dianggap sebagai boleh dipercayai mereka untuk menjual gula dan beras disuruh menyewa satu ataupun setengah dari kawasan pekedai di dalam pasar di daerah-daerah yang tertentu dengan alasan supaya untuk menyimpan gula dan beras yang datang. Apabila sahaja kaum bumiputra yang memang menaruh kepercayaan kepada badan ini berusaha untuk mendapatkan kedai dengan sewa yang tertentu.

Tuan Yang di Pertua, kemudian dibuat perjanjian sampai dua tahun, sudah dibayar sewa yang tertentu dan kemudian kedai itu dibuat segala yang patut sebagai stor dan pejabat di situ yang memakan belanja beratus ringgit. Begitu juga untuk menyimpan beras disediakan di kedai-kedai kecil di kampung-kampung diatur sebagai pelanggan membeli gula dan beras dari perbadanan yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, seperti saya tahu mula-mula sahaja kedai itu dibahagikan barang-barang yang dikehendaki seperti gula dan beras itupun tidak mengikut bahagian yang sepatutnya seperti beras Siam ada juga beras dari negeri Cina yang harganya jauh lebih murah daripada beras Kedah dan Siam. Sepatutnya dijual kepada penjual borong beras itu tadi, hanya orang itu diberi beras Kedah dan Siam yang kurang baik mutunya sahaja dan tidak dapat untuk mengambil keuntungan. Ini bererti bahawa beras dari Negeri Cina yang lebih mendapat keuntungan langsung tidak diberi kepada orang-orang yang patut menerimanya.

Dan begitu juga harga gula mahu pun beras lebih tinggi daripada harga pasaran biasa. Dengan hal yang demikian, bahawa saya yakin perkara yang semacam ini tidak akan dapat memberi faedah kepada rakyat jika hendak benar-benar memperbaiki kesusahan orang-orang yang miskin di seluruh negeri Malaysia, negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di Pertua, dari itu boleh dikatakan hampir semua kedai bumiputra yang berharap mendapat gula dan beras daripada perbadanan yang berkenaan yang menanggung kerugian, kerana sudah membayar sewa kedai dan sebagainya yang tidak mendapat beras dan gula dari perbadanan itu.

Tuan Yang di Pertua, bagi pekedai-pekedai di daerah yang jauh dari Kuching, saya dapat tahu bahawa mereka menghantar talikawat dan surat tidak juga mendapat layanan dan mereka itu terpaksa pergi sendiri ke Kuching dengan belanja mereka sendiri untuk mendapatkan 2 atau 4 tan beras. Jika tidak begitu mungkin juga permintaan mereka tidak dilayan, kerana pihak yang berkuasa beras mengatakan bahawa beras itu tidak cukup hendak dihantarkan ke daerah yang lain.

Tuan Yang di Pertua, oleh kerana banyak sungutan-sungutan dari rakyat berhubung dengan permohonan qota beras, mereka sedang ternanti-nanti jawapannya daripada pihak yang berkenaan hingga sampai 6 dan 7 bulan tanpa jawapan apa-apa dari pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin merujuk atas satu perkara yang mengenai kami rakyat di Sarawak, iaitu sebuah negeri yang penduduknya lebih kurang satu juta. Pada masa ini apa yang kami inginkan ialah mengenai perkara talivisyen. Sebabnya yang utama, kami juga telah mendapat tahu di negeri Sabah telah ada talivisyen, tetapi di negeri kami di Sarawak belum lagi ada talivisyen. Sejak tahun 1963 negeri kami telah turut masuk mencapai kemerdekaan di dalam Malaysia, tetapi hingga sekarang rakyat Sarawak telah mengidam-idamkan hendak mendengar dan melihat pancaran terus dari Malaysia Barat ini ke Malaysia Timur, tetapi belum lagi dapat. Dari itu, Tuan Yang di Pertua, saya dengan segala hormatnya merayu kepada Menteri yang

berkenaan supaya menyampaikan pementaran T.V. itu ke negeri kami di Sarawak dan jikalau boleh dijalankan pada tahun yang akan datang ini, maka bergembiralah kami di Sarawak dan dapatlah kami melihat wajah para pelakun yang cantik-cantik di dalam T.V. itu samada wajah Menteri-menteri ataupun rakyat di Malaysia Barat.

Dan begitu juga cerita-cerita yang disiarkan oleh Pejabat Penerangan dapat juga kami melihatnya, tetapi sekarang, kami hanya mendengar suaranya dalam radio sahaja, tidak dapat melihat wajah mereka yang cantik-cantik itu sebagaimana yang dapat saya pandang semasa saya berada di Kuala Lumpur ini.

Dari itu, saya merayu sekali lagi dengan sepenuh harapan supaya Menteri yang berkenaan ini mengambil perhatian di atas perkara yang tersebut.

Tuan Yang di Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan lagi, sungguhpun ada lagi perkara yang saya akan cakapkan, maka saya suka memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain yang akan bercakap.

Tuan Yang di Pertua, itulah saja, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh):

Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bersama-sama dengan rakan saya bagi membahaskan belanjawan negara kali ini.

Saya ingin pula mengambil peluang mengucapkan tahniah di atas keikhlasan Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana mengemukakan suatu belanjawan yang begitu menarik dan memuaskan. Walaupun demikian, adalah menyentuh hati kecil rakyat yang duduk di luar bandar yang baru sahaja menerima nikmat kemerdekaan yang berupa kemudahan jalan raya yang baru, air paip, dan bekalan elektrik yang baru disampaikan yang mana jenis barang-barang kemudahan untuk digunakan itu telahpun dinaikkan harganya. Tuan Yang di Pertua, jika dibandingkan dengan pendapatan hidup mereka sehari-hari tak usahkan hendak membeli barang-barang seumpama itu, namun hendak menyempurnakan kewajipan pagi dan petang amatlah menyedihkan nasib mereka.

Dengan demikian, walaubagaimanapun cantiknya belanjawan kita ini, mereka itu tetap juga dengan keadaan sempit bertambah sempit.

Tuan Yang di Pertua, keadaan hidup di luarbandar belum pun sampai kepada paras yang sewajarnya dan keadaan masyarakat di kampung-kampung sangatlah dibimbangkan. Ini ialah disebabkan kejatuhan harga pasaran getah, kelapa, kokoh dan lain-lain jenis hasil tanaman mereka itu.

Dalam pada ketika kita hendak mengukuhkan kewangan negara, janganlah kita lupa menimbangkan atau menitik-beratkan hal-hal penderitaan rakyat di kampung-kampung seumpama itu dalam mana badan-badan berkanun seperti MARA, FAMA, PERNAS, FIMA dan yang lain-lain itu dapat menjalankan peranan mereka yang bersungguh-sungguh dalam usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar.

Persatuan Peladang misalnya, juga hendaklah mengambil berat dan memainkan peranan membela nasib dan kehidupan rakyat dan mencarikan pasaran yang terjamin dan lebih baik untuk mereka, dan bukanlah semata-mata memainkan peranan untuk mencari keuntungan yang lebih besar saja.

Tuan Yang di Pertua, saya suka hendak menyentuh berhubung dengan badan berkanun seperti MARA, PERNAS, L.P.N., UDA dan lain-lain lagi. Andainya badan-badan ini tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna dan juga melupakan serta melalaikan tanggungjawab mereka untuk meninggikan taraf hidup rakyat, maka akan kecewalah usaha dan cita-cita Kerajaan hendak mencapai 30% penyertaan kaum bumiputra dalam bidang ekonomi dalam masa 20 tahun. Maka kesalahan ini adalah terletak kepada kita semua.

Pada himat saya, badan-badan seperti itu ditubuhkan ialah semata-mata menjadi anak tangga kepada semua usaha untuk mencapai kejayaan di peringkat yang kita hendak tujuan.

Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri umpamanya adalah badan yang paling rapat sekali dengan rakyat yang duduk di luar bandar, maka perlulah badan seumpama itu bekerjasama dan membuat perhubungan yang rapat di antara satu sama lain supaya

satu sistem kerja yang benar-benar mempunyai ko-ordinasi, yang bertugas menolong rakyat yang berkehendakkan pertolongan dan membantu mereka dengan jalan dan ikhtiar yang bersungguh-sungguh secara sempurna, dan janganlah pula dijadikan badan-badan itu sebagai batu panghalang kepada rakyat yang berkehendakkan bantuan seumpama itu.

Saya rasa perlulah kita ketepikan perkara-perkara yang mungkin menjadikan terhalangnya sesuatu itu dan diketepikan supaya kemudahan-kemudahan dapat dengan segeranya diberikan kepada mereka yang bertujuan baik. Maknanya, pada saat kita bersungguh-sungguh hendak mengisi jurang perbezaan di antara kaum, maka hendaklah juga kita memikirkan masaalah-masaalah yang besar ini mesti didahulukan dengan akal dan fikiran yang waras dan bukannya menambahkan lagi kekusutan ke atas mereka yang hendak mengambil bahagian itu.

Pada ketika ini bumiputra Melayu, andainya sedang bergiat mengambil bahagian dan menyambut dengan sungguh-sungguh akan seruan-seruan yang dibuat oleh Perdana Menteri bagi hendak mengusahakan segala-segala yang boleh supaya orang-orang Melayu dapat mengambil bahagian di dalam perusahaan dan perniagaan. Segala-segalanya ini akan berjalan menuju ke arah yang hendak dibawa mereka itu ke paras yang dikehendaki.

Tuan Yang di Pertua, ini bukanlah satu perkara yang mudah yang hendak dijalankan, kerana berbagai-bagai ranjau dan duri telahpun disiapkan untuk menentang perjalanan kita supaya tidak begitu cepat sampainya pada had yang ditujukan itu.

Segala subversif, petualang-petualang juga telah dan ada di hadapan kita dan kalau kita tidak mempunyai kesabaran yang cukup di dalam menyelenggarakan usaha ini, maka ianya akan patah di tengah jalan. Dengan yang demikian, kita berharap kepada para-para Menteri yang bertanggungjawab supaya bersungguh-sungguh mengawasi kemungkinan. Kemungkinan yang saya katakan itu supaya kerja dan usaha kita itu dapat berjalan dengan baik dan beres.

Tuan Yang di Pertua, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi yang telah bersungguh-sungguh benar berusaha menyediakan rancangan-rancangan

yang baik. Ini hendaklah juga beliau berani di dalam semua segi menyingkir sesiapa juga, baik daripada para Menteri, Wakil Rakyat bahkan pegawai-pegawai Kerajaan yang pada ketika itu mengambil kesempatan memuaskannya hawa nafsu, sedangkan rakyat di dalam keadaan yang keluh-kesah mengikuti segala acara yang kita utunkan.

Kalau pada hakikatnya yang kita bersungguh-sungguh berazam hendak memupuk hal kehidupan rakyat jelata dan jikalau kita semuanya dapat bekerjasama dengan menjalankan tugas kita dengan sepenuh hati, jujur dan ikhlas, maka memangnya tidak ada lagi hingga menunggu ayam berkokok. Tomahan-tomahan telahpun dilakukan bahawa orang-orang Melayu tidak akan boleh mengambil bahagian di dalam perniagaan dan perusahaan seperti lain-lain kaum. Dan ini telah menjadi satu ejek-ejekan kepada orang-orang Melayu sendiri yang hendak mengambil bahagian dalam bidang ini. Bukan sahaja tentang ejek-ejekan ini dilakukan, tetapi juga dengan bukti perbuatan sekali kerana apabila orang-orang Melayu yang tidak mempunyai modal yang cukup ini untuk menolong perniagaan mereka itu, maka bantuan tidak dapat diperolehi, samada dengan nasihat ataupun kewangan. Nasihat dan membantu menyelesaikan dan sebaliknya jauh sekali. Dan apabila dia datang kerana meminta pertolongan dikatakan: "Inilah awak hendak, sudah tidak pandai berniaga, hendak berniaga". Jadi inilah satu hikmat yang boleh melemahkan semangat orang-orang Melayu yang hendak mengambil bahagian di dalam perniagaan dan perusahaan, seperti yang dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin kita.

Bermacam-macam helah dijadikan bahan-bahan untuk jangan menolong orang-orang Melayu berkecimpung. Maka inilah jalannya yang akan membunuh dan menjahanamkan bagi hendak mempertinggikan ekonomi bumiputra.

Tuan Yang di Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi iaitu badan-badan berkanun adalah tempatnya orang-orang Melayu bergantung hidup, mendapatkan bantuan nasihat dan pimpinan dan sebagainya. Maka sudah sewajarnya Pengerusi badan-badan tersebut itu mendapat kerja yang sepenuh masa di dalam menjalankan pentadbiran badan-badan yang tersebut itu supaya tugas-tugas sambilan yang diberi

kepada mereka itu sekarang dapat diperbaiki dan segala perkara yang akan dijalankan itu dapat sambutan yang baik.

Andainya kalau dipandangkan dengan pentadbiran seseorang Pengerusi bagi sesuatu buah kilang, atau faktori, atau syarikat-syarikat swasta yang besar-besar, maka amatlah mengeciwakan Pengerusi itu, kerana diberi elaun percuma \$1,000 sebulan yang diharap akan dapat membolehkan kehidupan mereka itu berjalan dengan baik.

Tuan Yang di Pertua, saya memikirkan jika Pengerusi badan-badan ini diberikan elaun percuma bulanan \$1,000 itu tidak akan membolehkan mereka itu bekerja dengan segiat-giatnya. Kerana itulah nampaknya urusan-urusan yang dibuat dalam badan-badan itu tidak begitu memuaskan dan tidak begitu berjalan sepertimana yang dikehendaki.

Rasanya perlulah dikaji semula dalam soal ini supaya Pengerusi badan-badan ini dapat menerima gaji dengan lumayan serta kemudahan-kemudahan seperti mana yang diberikan kepada Pengerusi FELDA dan lain-lain badan yang tetap yang Pengerusinya mendapat kuasa yang penuh pada menjalankan kerja-kerja badan yang tersebut itu. Kalau tidak, Tuan Yang di Pertua, kerja ini akan dijadikan kerja sambilan dan kerjanya dibuat pun akan menjadi sambil-lewa sahaja.

Tuan Yang di Pertua, sebab pun saya mengesyurkan supaya Pengerusi ini diberi tanggungjawab yang sepenuhnya, kerana mereka itu ialah terdiri daripada orang-orang politik yang mahir, yang ada mempunyai pengalaman dan kebolehan dan sebagainya, maka merekalah juga orangnya yang berdamping rapat dengan rakyat, maka sudah sewajarliah yang usaha mereka itu, bukan sahaja dengan bercakap, tetapi juga dengan amalan sekali.

Pada himat saya, jika masa yang penuh akan diberi kepada Pengerusi-pengerusi itu, tidaklah ada syak wasangka yang usaha kita dapat berjalan dengan lancarnya. Dari itu, rakyat akan dapat menerima kita dengan sepenuh hati dan kita memandang bahawa kita telah menunaikan kewajipan dan tanggungjawab dengan sepenuhnya dan jikalau kiranya merasakan perkara itu gagal, maka dapatlah kita membetulkannya dengan sendiri. Bukan sahaja setakat memberikan taraf yang baik kepada Pengerusi-pengerusi Perbadanan, tetapi mestilah juga menaruh

simpati kepada wakil-wakil rakyat Parlimen, kedudukan dan taraf mereka juga mestilah diperbaiki kerana kita melaksanakan rancangan-rancangan yang besar ini hendaklah juga kita memikirkan soal tanggungjawab mereka sendiri yang sering ditinggalkan kerana bertugas untuk kepentingan negara dan rakyat.

Elaun yang diberi sebanyak itu tidak memadai dan taraf mereka juga tidak sewajarnya sebagaimana yang ada sekarang ini.

Dalam saat kita hendak menyempurnakan rancangan raksaksa yang besar ini perlulah kita kaji akan kehidupan mereka itu dengan wang yang sebanyak itu sedangkan kerja di atas satu tugas yang besar dengan pendapatan yang kecil dan tidak boleh diperbuat apa-apa. Oleh itu, saya menyokong penuh di atas syor Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara yang menitikberatkan sangat-sangat tentang kedudukan keperibadian dan keraguannya kepada wakil-wakil rakyat khususnya wakil rakyat Parlimen supaya dapat dipertimbangkan semula dan supaya mereka itu sebenar-benarnya dapat menyumbangkan tanaga mereka kepada negara dan rakyat.

Tuan Yang di Pertua, saya suka hendak menyentuh sedikit tentang masaalah tanah. Ini adalah satu soal pokok dalam negara kita ini dan banyaklah sudah dipersoalkan di dalam Dewan ini tentang hubungan di antara negeri-negeri Kerajaan Pusat atas masaalah pengeluaran tanah kepada rakyat di dalam kawasan saya sendiri termasuk juga dalam kawasan lain-lain di negeri saya, Perak.

Mereka nampaknya telah sewenang-wenangnya mengeluarkan tanah dengan tidak terlebih dahulu memikirkan soal rakyat jelata, soal rakyat yang berkehendakkan tanah. Ini telah menjadi buah mulut di merata-rata tempat, maka ini sangatlah dikesalkan kerana didapati bahawa tanah yang luas-luas diberikan kepada pihak swasta capitalist sedangkan rakyat yang hanya memohon seekar, dua ekar menunggu masa dua tahun, tiga tahun, empat tahun belum lagi dijawab.

Dengan itu, kedudukan rakyat dalam kawasan saya sendiri amatlah membimbangkan kerana di kawasan saya ada lebih kurang 70,000 ekar tanah yang kosong dan sebahagian daripada 70,000 ekar tanah itu telah pun diberikan kepada swasta-swasta

yang berusaha menanam kelapa sawit dan masih lagi ada tanah yang lebih kurang 40,000 atau 50,000 ekar. Ini juga difikirkan barangkali hendak diberikan kepada pihak swasta yang besar-besar, maka dikatakan penduduk-penduduk di sana adalah lebih kurang 150,000 orang dan orang ini akan hanya menunggu kepada tanah yang ada dan mereka ini tidak akan dapat pergi ke mana-mana lagi.

Dengan yang demikian, tanah seluas ini kalau juga diberikan kepada swasta, maka sudah tentulah keadaan mereka bertambah sempit, lebih sempit daripada setahun ke setahun. Jadi itulah saya rasa perlu dibawa ke Dewan ini supaya Menteri yang berkenaan berhubung dengan tanah dapat menitikberatkan soal-soal ini supaya mengkaji tentang bagaimana pemberian yang telah diberikan itu supaya dapat sedikit sebanyak dirasakan oleh rakyat-rakyat yang di dalam kawasan itu sendiri.

Ini ialah kerana Kerajaan Pusat ada mempunyai kuasa yang tertentu dalam Undang-undang Tanah Negara dan Undang-undang Tanah Negara hendaklah dihebatkan untuk memelihara kedudukan yang tidak diingini. Jika Kerajaan Pusat dapat berbuat demikian, barangkali tanah-tanah Kerajaan yang dikeluarkan tidak akan mengikut hawa nafsu.

Saya juga tahu bahawa ada sedikit Tanah Simpanan Melayu yang dikeluarkan kerana kepentingan pihak-pihak swasta dan juga gulungan-gulungan tertentu. Yang seharusnya tanah-tanah sedemikian itu dapat diperbetulkan untuk masa depan rakyat dan jika ini terus berlaku perkara ini amatlah mendukacitakan dan tuduhan di hadapan kita yang kita tidak bertanggungjawab.

Saya harap Kerajaan akan mengkaji semua kedudukan Tanah Simpanan Melayu dan meneliti semuanya apa yang sudah dilakukan oleh setengah-setengah orang, yang telah menggadaikan tanah dalam simpanan Melayu ini kepada orang yang bukan Melayu. Dan ini telah menjadikan suatu perkara yang tidak diingini yang berlaku dalam kawasan saya sendiri dan setahun saya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah juga mengambil peranan bagi menyelesaikan masalah ini tetapi sehingga ini belum juga lagi dapat ditentukan bagaimanakah kedudukan mereka itu dalam soal pajak dan gadai kepada orang yang bukan Melayu.

Tuan Yang di Pertua, saya tidaklah hendak memanjangkan lagi ucapan saya dan hanya meminta supaya kajian semula dibuat atas apa yang saya katakan tadi, mudah-mudahan bumiputra akan dapat menjalankan tugas-tugas mereka mengikut lunas-lunas yang diberikan oleh Kerajaan kita. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Sulaiman bin Haji Talib (Krian Laut): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyertai rakan-rakan saya yang terdahulu berucap menyokong rang belanjawan bagi tahun 1973 yang masih dibahaskan ini.

Tuan Yang di Pertua, setiap kali Dewan ini membincangkan belanjawan negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, maka bergegarlah suara-suara pihak Pembangkang mengecam Kerajaan dengan kenaikan cukai yang dikenakan. Tetapi berlainan sekali pada tahun ini sedikit sangat peluang bagi mereka untuk mengecam Kerajaan dengan penambahan cukai baharu yang dikenakan ini. Dan oleh ketiadaan peluang ini, maka timbullah anggapan dan tuduhan mereka yang kononnya belanjawan ini adalah belanjawan pilihanraya. Samada anggapan mereka itu benar atau tidak, biarlah kita sama-sama melihatnya. Tetapi kalau rakyat yang di luar Dewan ini belanjawan yang dibentangkan ini yang tidak membebankan rakyat yang berpendapatan kecil adalah merupakan suatu bukti yang bahawa negara telah mencapai kedudukan ekonomi yang semakin teguh dan kokoh.

Tuan Yang di Pertua, kepada rakyat yang miskin khasnya rakyat yang tinggal di luar bandar, mereka tidak mengambil hal dengan barang kenaikan cukai yang telah dikenakan itu kerana tidak mampu untuk membeli barang mewah yang dinaikkan cukai itu.

Pada mereka apa yang penting dalam Belanjawan ini ialah peruntukan-peruntukan pembangunan bagi tahun yang akan datang ini biarlah bertambah daripada tahun-tahun lepas.

Rakyat yang tidak mempunyai tanah mengharapkan supaya usaha-usaha Kerajaan untuk memberi tanah mestilah dipergiat dan dipercepatkan lagi.

Rakyat bumiputra yang baharu muncul di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan mengharapkan benar-benar agar badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan seperti

MARA, UDA dan sebagainya itu dapat memberikan pertolongan-pertolongan yang mereka kehendaki. Rakyat yang menjadi petani, nelayan mereka mengharapkan akan bertambahnya lagi usaha-usaha Kerajaan bagi membantu mereka itu untuk menambahkan hasil mahsyul pengeluaran mereka supaya dapat menjamin harga-harga pemasarannya.

Tuan Yang di Pertua, pada rakyat yang dahagakan perubahan, usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini masih belum mencukupi, masih banyak lagi kampung-kampung di kawasan luar bandar iaitu kampung-kampung lama yang terdapat di kawasan-kawasan pendalaman yang masih belum menerima sebarang perubahan dan kemudahan berbanding dengan kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh mereka-mereka yang tinggal di kawasan kampung-kampung baharu.

Rakyat yang tinggal di kampung-kampung lama di kawasan pendalaman ini, mereka menghadapi berbagai-bagai masalah kesulitan-kesulitan hidup. Mereka tidak mempunyai jalan yang baik menuju ke kampung-kampung mereka. Seperti mana yang terdapat di kampung-kampung baharu. Mereka tidak dapat bekalan air paip dan api letrik. Mereka jauh daripada mendapat rawatan-rawatan dari pusat-pusat kesihatan dan mereka menghadapi kesukaran-kesukaran perjalanan untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Kampung yang seperti ini masih banyak terdapat di serata ceruk luar bandar negara kita ini. Dan di dalam usaha-usaha untuk memodenkan kawasan luar bandar hendaknya kampung-kampung di kawasan pendalaman ini janganlah ditinggalkan.

Tuan Yang di Pertua, sebagai seorang wakil yang datang dari kawasan pertanian sukaiah saya menyentuh sedikit masalah yang dihadapi oleh petani-petani. Sebahagian besar daripada petani-petani yang mengusahakan sawah padi di dalam negara kita ini adalah menyewa tanah kepunyaan orang lain.

Kerajaan telah berusaha memberikan kemudahan-kemudahan bekalan air bagi menanam padi dua kali setahun untuk menambahkan pendapatan petani-petani ini, tetapi malangnya yang mendapat faedah dan keuntungan daripada usaha lebih petani-petani itu, bukannya petani-petani itu sendiri

ianya adalah tuan-tuan punya tanah itu sendiri. Sebahagian besar daripada tuan-tuan punya tanah ini, terutama sekali di kawasan Krian, mereka menyewa tanah-tanah antara \$120 hingga \$150 bagi tiap-tiap satu ekar tanah pada satu musim; ini dengan wang. Dan jika dengan bayaran padi pula antara 200 gantang hingga 250 gantang bagi tiap-tiap satu ekar tanah pada satu musim, tidak kira musim yang pertama atau musim yang kedua. Bayarannya adalah serupa sahaja. Biasanya pukul rata seorang petani akan mendapat lebih kurang 600 gantang padi pada satu ekar dalam satu musim dan jika ditolak sewa tanah upah membajak membeli baja, upah menuai dan bayaran zakat lazimnya paling banyak yang tinggal pada petani-petani itu pada satu ekar tanah yang diusahakan hanya di antara 50 gantang sehingga 100 gantang padi sahaja berbanding dengan apa yang diperolehi oleh tuan-tuan punya tanah tadi.

Demikianlah, Tuan Yang di Pertua, pemerasan yang dilakukan oleh sebahagian daripada tuan-tuan punya tanah yang terdapat di kawasan-kawasan padi di tanah air kita ini. Walaupun Dewan ini telah meluluskan Akta Sewa Padi dan Akta itu telah pun dikuatkuasakan, namun sebahagian besar daripada petani-petani ini tidak berani membuat pengaduan kepada pihak-pihak yang berkuasa, kerana mereka takut kalau tanah yang mereka usahakan itu ada di antaranya pula menumpang duduk di atas tanah itu dari sejak berpuluh-puluh tahun, mungkin akan diusir dan akan diambil kembali oleh tuan-tuan punya tanah tadi.

Tuan Yang di Pertua, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan agar mencari jalan yang sebaik-baiknya supaya Akta Sewa Padi yang dikuatkuasakan itu benar-benar berjalan dan memberi kesan dalam usaha kita untuk menolong petani-petani yang menyewa tanah ini.

Tuan Yang di Pertua, akhir sekali saya sukaiah menyentuh sedikit berhubung dengan tragedi feri di Sungai Krian yang telah menelan nyawa seramai 28 orang itu. Tuan Yang di Pertua, walaupun di antara 28 orang yang telah terkorban dalam tragedi feri itu hanya seorang sahaja penduduk yang berasal dari kawasan saya iaitu Parit Buntar yang mana pekerja feri itu sendiri, tetapi oleh kerana usaha menyelamatkan mayat-mayat yang tenggelam di dasar Sungai Krian itu

adalah berpusat di Parit Buntar iaitu di kawasan saya dan Feri yang menimbulkan bencana tragedi itu adalah ditadbirkan oleh J.K.R. di kawasan saya, maka saya tahu benar-benar dari setiap detik ketika berlaku peristiwa pada pagi 13 September yang lalu itu sehinggalah ke saat semua mayat-mayat yang terkorban itu diselamatkan.

Tuan Yang di Pertua, apa yang saya hendak sebutkan dalam Dewan ini bukanlah kenapa peristiwa itu boleh berlaku dan bagaimana peristiwa itu berlaku kerana perkara ini sedang disiasat oleh pihak yang berkenaan dan satu laporan akan dikeluarkan.

Saya mengambil peluang dalam Dewan ini hanya menyampaikan kekesalan-kekesalan yang terdapat sewaktu usaha-usaha dijalankan untuk menyelamatkan mayat-mayat yang terkorban itu.

Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang kita maklum peristiwa ini berlaku lebih kurang jam 6.20 minit pagi pada 13hb September yang lalu. Pada waktu tengah hari tidak ada apa usaha yang dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan kecuali daya usaha dan ikhtiar penduduk-penduduk tempatan mendatangkan penyelam-penyelam tempatan iaitu terdiri dari nelayan-nelayan, mereka inilah yang berusaha menyelam pada waktu tengah hari sehingga pukul 12.00 tengah malam setelah mereka menggigil tidak tahan kerana kesejukan. Apa yang saya dengar dalam radio yang kononnya pihak Tentara Laut di Raja kita telah menghantar Pasukan Penyelamnya sewaktu petang itu dan berusaha menyelam. Ini adalah satu perkara yang amat dikesalkan. Kerana sebagai seorang Wakil Rakyat yang sentiasa berada di tempat itu, saya tahu Pasukan Penyelam yang didatangkan oleh Tentera Laut di Raja kita yang bertempat di Singapura sampai hanya waktu hampir larut malam dan kelewatan mereka itu didatangkan adalah disebabkan mereka dibawa daripada Singapura ke Parit Buntar dengan menaiki motokar. Dan oleh kerana keletihan dan kelesuan mereka itu menempuh perjalanan yang jauh dengan menaiki motokar, dan apabila mereka sampai di Parit Buntar, maka mereka telah membuat olah dan manakala mereka sampai seorang daripada pegawai yang mengetuai Pasukan Penyelam itu telah bertanya pada kami yang berada di situ, "mana dia orang-orang radio, mana

dia orang-orang talivisyen". Kebetulan pada ketika itu Pegawai Daerah ada bersama-sama. Pegawai Daerah, Krian beliau dengan pantas mengatakan, "kami beramai-ramai datang di sini sejak pagi tadi termasuk yang menyelam di dasar sungai itu, bukan kerana radio dan bukan kerana talivisyen. Kami adalah berusaha untuk hendak menyelamatkan, hendak menimbulkan mangsa-mangsa yang berada di dasar sungai tersebut." Dan jawab pegawai itu, "kami sekarang letih dan kami perlu berihat". Jawab Pegawai Daerah, "Suka hati awaklah". Dan pasukan ini tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab apa yang sangat-sangat dihayati sewaktu itu, kecuali setelah pukul 9.00 esoknya iaitu 14hb September yang berikutnya.

Ini, Tuan Yang di Pertua, yang sebenarnya pihak yang betul-betul bertungkus-lumus sehingga menimbulkan bas yang di dalamnya ada 12 mayat budak-budak sekolah itu ialah pihak penyelam-penyelam sukarela tempat itu sendiri. Mereka inilah yang telah bertungkus-lumus dan saya berharap pada pihak Kerajaan untuk memberikan perhatian dan pertimbangan samada dengan bayaran yang berupa wang ataupun penghormatan kepada pekerja-pekerja atau penyelam-penyelam sukarela yang telah tidak menghiraukan keselamatan jiwa mereka itu untuk menenangkan keadaan kelam-kabut, terutama ibu-bapa dan waris-waris kanak-kanak dan mereka yang terkorban yang didapati tidak begitu sabar lagi hendak mengetahui dan hendak melihat anak-anak mereka yang telah terkorban di dasar sungai itu.

Tuan Yang di Pertua, nasib baiklah pada 14hb Disember, Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Agong telah sudi mencemar Duli melawat ke tempat itu dan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong sesungguhnya memberi penawar yang amat berkesan terhadap keluarga dan ibu-bapa mangsa-mangsa yang terkorban itu, dan saya bagi pihak waris-waris dan ibu-bapa serta juga penduduk-penduduk di kawasan Parit Buntar dan Bandar Baru sesungguhnya melafazkan perasaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong yang telah dengan tidak disangka-sangka sanggup mencemar Duli melawat bagi mentenankan keadaan yang menimpa rakyat pada ketika itu.

Tuan Yang di Pertua, akhir sekali bersangkutan dengan trejedi feri ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah sanggup memberi peruntukan sebanyak \$1.2 juta bagi membina jambatan untuk menghubungi Parit Buntar dan Bandar Baru ini dan dalam hal ini suka saya menegar sedikit.

Sebenarnya kalau projek membina jambatan antara Parit Buntar dengan Bandar Batu itu benar-benar dirancang sejak dari awal, maka sudah barang tentu wang sebanyak \$1.2 juta yang diperuntukkan ini akan boleh dicermatkan lagi. Kerana, Tuan Yang di Pertua, sekarang ini Kementerian Pertanian dan Perikanan melalui Jabatan Parit dan Taliair sedang membina sebuah empangan yang mengempang sungai Krian itu dengan tujuannya supaya air Sungai Krian itu dapat digunakan memberi perbekalan air kepada sawah-sawah di kawasan Krian Laut sebanyak lebih kurang 40,000 ekar dan projek ini menelan belanja lebih \$2 juta. Saya telah difahamkan oleh Jurutera Parit dan Taliair Daerah Krian yang kata beliau di atas empangan ini boleh dibina jalanraya selebar 24 kaki dan di atas empangan ini juga boleh dilalui oleh kenderaan sehingga seberat 14 tan. Tetapi oleh kerana pihak-pihak yang berkenaan tidak merancang lebih awal untuk mendirikan jambatan yang disebutkan ini, maka sekarang empangan yang menelan belanja \$2 juta lebih dan pembinaan jambatan ini pula menelan belanja \$1.2 juta lebih, maka dengan sendirinya kalau masa yang lepas saya dan Wakil Rakyat yang terdahulu daripada saya yang duduk di tempat ini pernah menyuarakan supaya jambatan dibina di antara Parit Buntar dan Bandar Baru. Dijawab oleh Kerajaan, tidak ekonomik dan sekarang setelah sungai tersebut menelan korban seramai 28 orang mahu tidak mahu, ekonomik tidak ekonomik terpaksa jambatan itu dibuat juga. Tetapi walau macam manapun, sebagai Wakil Rakyat yang datang dari kawasan itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan di atas usaha untuk hendak membina jambatan bagi menghubungi Parit Buntar dan Bandar Baru ini. Sekian sahaja, saya sekali lagi menyokong Belanjawan yang dibentangkan ini.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Yang di Pertua, di dalam mempersoalkan Belanjawan, 1973 ini saya cukup bersimpati dengan Kementerian Kewangan, kerana sudah lama 13 tahun, maka tiap-tiap akhir tahun Menteri ini terpaksa menerima teguran, menerima pandangan, teguran-teguran yang baik, pandangan-pandangan yang baik, mahupun teguran-teguran yang cukup menentang, teguran-teguran yang berupa tidak berimbang rasa, maka Menteri yang berkenaan menerima dengan hati yang senang dan begitu tenang untuk menjalankan tugasnya terhadap negara kita ini.

Sebagai seorang manusia biasa, Tuan Yang di Pertua, tidak sesiapa pun boleh mengatakan dirinya adalah cukup bagus dan cukup sihat dan cukup betul di dalam segala gerak-geri perbuatannya daripada satu masa ke satu masa. Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, mempersoalkan soal mencari kewangan ini terpaksa merah dan meneliti daripada satu segi ke satu segi dengan sehalus-halusnya, namun pun begitu ada juga ketinggalan, maka di dalam segi inilah, Tuan Yang di Pertua, saya cuba membawa perhatian Kementerian dan Perbendaharaan supaya dapat mengkaji atau meneliti dan mengatasi masalah ini.

Masalah kita mencari wang dengan mengenakan cukai-cukai dalam berbagai-bagai segi. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, di dalam cukai inilah yang kita banyak kehilangan pendapatan pada tiap-tiap hari, pada tiap-tiap kali barang masuk daripada luar negeri ke dalam negeri dengan cara menyeludup, dengan cara melarikan cukai. Dengan keadaan ini, dengan sendirinya mengurangkan pendapatan, tetapi bukan dari segi itu sahaja, Tuan Yang di Pertua, menjatuhkan, menjatuhkan imej kita juga kerana kita tidak dapat sungguh-sungguh mempertahankan bagaimana keadaan kita mencari dan mempertahankan kewangan kita yang sebenar-benarnya dan yang sebaik-baiknya.

Satu perkara sudah barang tentu tidak dapat kita kawal, satu perkara sudah barang tentu tidak dapat kita selidiki, tetapi dalam penyelidikan boleh diketahui sejauh mana barang-barang penyeludupan ini dijual, samada dalam pasaran gelap ataupun dalam pasaran terang. Pasaran gelap ini, ada dua macam. Satu dijual murah, lagi satu dijual

mahal. Dalam jual murah inilah yang sungguh merbahayakan kerana di dalam jual murah ini akan merosakkan segala daya usaha kita, pengeluaran kita di dalam kilang-kilang kita dalam negara kita yang mana merosakkan kerana dia membeli barang dalam gelap, dalam pasaran gelap, dapat membeli dengan murah dan dapat dijualnya dengan murah. Orang yang membeli barang-barang dalam pasaran gelap ini mestilah orang yang ada mempunyai wang tunai yang cukup kuat. Jikalau orang yang tidak ada mempunyai wang tunai yang cukup kuat, dia tidak dapat membeli barang pasaran gelap yang murah kerana orang yang menjual di pasaran gelap barang murah ini ialah mesti dibeli semua sekali. Kalau masuk sebuah kapal, sebuah kapal semua sekali dibeli, bukan sepikul, dua pikul; satu tan dan dua tan—tidak.

Dari segi inilah, Tuan Yang di Pertua, kalau pihak Kementerian dan Perbendaharaan dapat mengesan, dapat menjaga, dapat menyelidik, maka sekat dan adakan satu undang-undang untuk mengatasi masalah ini. Inilah yang saya curigakan di atas kesusahan Kementerian Kewangan hendak mencari kewangan untuk negara dan rakyat kita. Di samping itu, ada juga rakyat kita sendiri jadi pengkhianat kepada negaranya sendiri. Masaalah inilah, Tuan Yang di Pertua, saya kemukakan di dalam Dewan yang bertuah ini, mudah-mudahan pegawai-pegawai yang berkenaan dapat berfikir, berceramah mencari satu langkah untuk mengatasi dan mencegah keadaan ini supaya jangan berlaku lagi.

Di samping itu juga, suka saya menyampaikan kepada seluruh penduduk-penduduk yang di luar bandar, apa juga seruan Kerajaan yang diserukan kepada rakyat di luar bandar, sambutannya cukup memuaskan. Memperbagaikan tanaman-tanaman, memperbagaikan keadaan-keadaan yang di luar-luar bandar, maka sambutan ini cukup memuaskan. Tetapi malangnya, sesudah sambutan ini dapat disambut oleh rakyat yang di luar bandar pengeluaran-pengeluaran mereka tidak dapat memberi faedah yang sebegitu sewajarnya sebagai yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, iaitu tidak ada pasarannya langsung, sehinggakan sampai busuk, tidak siapa yang akan datang membelinya. Di dalam segi ini saya suka mem-

bawa perhatian Menteri yang berkenaan di dalam memberi kuasa pemasaran yang lebih kepada Persatuan Peladang, bukan setakat Persatuan Peladang itu membeli daripada persatuan-persatuannya sendiri, tetapi dibolehkan membeli kepada apa juga pengeluaran yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk di luar bandar bahan-bahan mentah mereka dan berilah Persatuan Peladang ini mempunyai modal yang cukup, janganlah sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Boleh jadi, tidak boleh jadi, terpulang kepada Persatuan Peladang. Ini tidak boleh jadi, Tuan Yang di Pertua. Kalau hendak tolong, tolong sungguh-sungguh. Kalau tidak mahu tolong—tolak. Biar mereka berikhtiar dengan secara mereka; kepintaran dan kepandaian berfikir mereka sendiri.

Begini juga di dalam rancangan-rancangan perbadanan. Umpamanya, UDA. Untuk bertanding dengan pihak swasta-swasta yang lain yang mempunyai modal beribu-ribu juta, maka UDA diberikan modal dengan \$41 juta dipinjamkan, \$2 juta terus secara langsung bagaimana hendak menjalankan perusahaan yang bertanding dengan swasta swasta yang beribu-ribu juta modalnya. Sedangkan satu rancangan yang dibuat oleh pihak swasta berharga \$100,000,000 seperti Hotel Hilton dan UMBC. Jadi bagaimana UDA hendak menjalankan tugasnya yang sebegitu besar menandingi segala-segala yang ada di dalam Ibu Kota dan kota-kota yang lain yang mempunyai modal yang lebih besar. Adalah diharapkan supaya dapat diberikan pandangan dan diberikan kuasa-kuasa ini jangan sebegitu ketat, tetapi jangan pula sebegitu longgar, supaya dapat mereka ini menjalankan ikhtiar, cara, gaya dan pemikiran mereka yang bebas. Beri mereka nafas yang cukup. Jadi, dalam segi itu saya rasa baharulah kita dapat bertanding, baharulah dapat kita bergerak. Kalau kita main bola, Tuan Yang di Pertua, kalau sebelah pasukan itu lemah-lembut, tidak ada siapa datang hendak menengok. Dia kata berat sebelah, one-sided game, tetapi kalau sama-sama kuat, tengok tepuk bergemuruh dan tempat duduk pun tidak cukup. Ini menunjukkan permainan itu hebat. Dalam segi itu jugalah kalau ada pertandingan yang sebegitu baik, maka pertandingan dalam segi ekonomi kita pun melonjak tinggi.

Di samping itu juga, Tuan Yang di Pertua, dalam mempersoalkan keselamatan bagi cara-cara yang kita jalankan pada hari ini, saya hanya mengharapkan kepada Kementerian yang berkenaan rondaan-rondaan yang dijalankan, samada di laut mahupun di darat, kenderaan-kenderaan yang digunakan di dalam meronda hendaklah kenderaan yang cukup-cukup baik dan kuat, kerana kalau motokar ronda ini hanya dia lari 30 batu ataupun 40 batu sejam, tersengut-sengut terus mati, bagaimana dia hendak mengejar penyeludup ini. Rondaan ini tidak ada bermakna langsung. Jadi, diharapkan kelengkapan perondaan-perondaan samada di laut, samada di darat hendaklah kenderaan yang cukup baik dan terjamin, kerana ini akan menyelamatkan nyawa peronda-peronda itu sendiri dan akan menyelamatkan harta-benda kita yang diseludup dengan secara haram itu.

Dalam perkara itulah sedikit-sebanyaknya, Tuan Yang di Pertua, saya dapat berikan pandangan dan satu perkara yang terakhir iaitu jika dapat dipertimbangkan kepada pihak Kementerian Kewangan dan juga Perbendaharaan kerana memandangkan di atas dasar Kerajaan hari ini suka hendak membawa kilang-kilang memproses barang-barang mentah, kilang-kilang kecil ke luar-luar bandar untuk mengeluarkan bahan-bahan, memproses barang ini untuk diekspotkan ke luar negeri, maka satu pertalian, satu sambungan yang sangat mustahak iaitu mengadakan dan menubuhkan satu bank yang biasa, yang dikatakan Bank Perdagangan dan Pengekspotan, kerana kalaulah perdagangan/pengekspotan yang terdiri daripada bumiputra tidak dapat menjalankan dengan secara terus-menerus, memajukan segala perdagangan dan pengeksplotannya melalui bank-bank yang ada pada hari ini, maka mereka boleh menumpukan segala pendapatan dan perhatian dan pertolongan kepada bank yang tersebut, dapat mereka meneruskan segala daya usaha mereka untuk mengekspotkan barang-barang apa juga yang dikeluarkan daripada barang mentah mereka sekalian.

Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (Kimanis): Tuan Yang di Pertua, saya mengambil bahagian bercakap sedikit bersama-sama mengalu-alukan Anggaran Perbelanjaan Negara bagi Tahun 1973 ini yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu.

Memandangkan dari setahun ke setahun makin bertambahnya perbelanjaan negara kita ini, maka ini adalah menunjukkan Kerajaan tambah berminat di dalam usaha memaju dan mengembangkan kemajuan negara ini untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan dasar baru Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat berbilang kaum dan memperbaiki kepincangan ekonomi yang terdapat di negara kita ini.

Tuan Yang di Pertua, saya juga berpendapat cukai-cukai baharu yang telah diumumkan oleh Menteri yang berkenaan itu adalah sederhana kepada rakyat yang tinggal di Malaysia Barat ini, tetapi langkah Kerajaan menyamakan cukai-cukai di Sabah dengan di Malaysia Barat ini dan juga kenaikan cukai buah-buahan itu sebanyak sedikitnya akan menambah berat lagi bebanan sara hidup yang tinggi di Negeri Sabah itu. Orang orang samada dari luar negeri mahupun dari Malaysia Barat ini sendiri yang pernah datang ke Sabah tentulah merasai bagaimana tingginya perbelanjaan hidup di sana. Ini adalah disebabkan oleh harga barang-barang yang kian hari kian melambung tinggi. Saya percaya saudara-saudara kami di Malaysia Barat ini, terutama sekali Menteri Kewangan kita yang memang baik hati itu merasa kasihan dan bersimpati atas penderitaan kami di Sabah itu. Dengan itu saya menyerulah kepada Menteri yang berkenaan ini supaya sebarang langkah mengenakan cukai-cukai baharu di Sabah hendaklah diberi pertimbangan dengan seadil-adilnya terlebih dahulu.

Tuan Yang di Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang mengenai perkara ini, kerana dua orang wakil daripada Sabah iaitu Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Kota Belut dan dari Sandakan telah pun memberi ulasan yang panjang atas masalah sara hidup yang tinggi di Sabah itu. Apa yang kita fikirkan perlu sekarang ialah apakah langkah-langkah yang perlu dijalankan oleh Kerajaan dan apakah peranan yang sepatutnya diberikan oleh penduduk-penduduk Sabah sendiri bagi memperbaiki keadaan ini.

Kita tahu Kerajaan sedang menjalankan usaha dengan mengarahkan peniaga-peniaga meletakkan harga barang-barang dan mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan mengejut ke kedai-kedai seperti mana yang dijalankan di Malaysia Barat ini, tetapi cara-cara serupa

ini nampaknya susah memberi kesan ke arah memperbaiki keadaan di Sabah itu selagi belum ada langkah-langkah lain yang lebih berkesan dijalankan.

Dengan itu, Tuan Yang di Pertua, suka saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan langkah-langkah menetapkan harga barang-barang, mengawal dan mengambil tindakan kepada peniaga-peniaga yang mengenakan harga barang-barang dengan tidak berpatutan. Meminta Kerajaan menjalankan usaha-usaha bagi mengurangkan perbelanjaan mengimpot barang-barang ke Sabah. Membanyakkan barang-barang yang dibuat di Malaysia Barat ini dihantar dan dijual di sana, kerana nampaknya masa ini masih banyak barang-barang dagang di Sabah adalah yang dibawa dari negara-negara asing sekali pun barang-barang itu ada terdapat dibuat di dalam Malaysia ini. Menambah dan memperbaiki kemudahan perhubungan jalanraya. Memperbagai rancangan-rancangan pertanian yang meliputi di daerah-daerah di seluruh Sabah dan meminta Kerajaan menggalakkan lebih ramai pemodal-pemodal samada dari luar negeri ataupun dari Malaysia Barat ini menubuhkan lebih banyak kilang-kilang perusahan. Dengan jalan ini, ianya bukan sahaja akan mengurangkan dan merengangkan bebanan berat sara hidup di Sabah itu, tetapi juga akan dapat menolong mengatasi masalah pengangguran yang ada di negeri ini.

Tuan Yang di Pertua, saya memberi tahniah kepada Kerajaan atas peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pelajaran. Peruntukan yang besar jumlahnya itu kenalah pada masanya dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menegakkan dasar pelajaran kebangsaan dengan mengutamakan pelajaran sains dan teknologi bagi mencapai tujuan-tujuan Kerajaan hendak membangunkan negara dengan jalan yang lebih sempurna.

Tuan Yang di Pertua, dalam usaha-usaha Kerajaan mengembang dan memajukan pelajaran di negeri ini guru-guru adalah memainkan peranan yang penting sekali. Ini adalah wajar dengan langkah Kerajaan memperbaiki keadaan dan kehidupan guru-guru di Malaysia Barat ini dengan memberi tanggungjawab baharu iaitu mengikut Tanggagaji Aziz. Ini tentulah menggembirakan kepada guru-guru di Malaysia Barat ini. Akan tetapi, apa yang saya ingin tahu ialah bagaimana pula dengan nasib guru-guru di Sabah yang

tugas dan perkhidmatan mereka sama juga beratnya seperti guru-guru di Malaysia Barat ini. Apakah tanggungjawab yang akan diberikan kepada mereka? Saya dapat tahu oleh kerana beberapa sebab yang tidak sesuai, guru-guru Kerajaan di Sabah tidak dapat menerima sepenuhnya terhadap syor-syor perkhidmatan dan tanggungjawab baharu dari Suruhanjaya Aziz itu. Beberapa kali rundingan-rundingan telah diadakan di Kuala Lumpur ini oleh wakil guru-guru di Sabah dengan pihak yang berkenaan mengenai tanggungjawab itu, akan tetapi sehingga sekian lama guru-guru di Sabah menunggunya, belum juga ada penentuan bagaimana layanan dan penerimaan Kerajaan terhadap syor-syor gaji baharu mereka itu.

Saya juga dapat tahu beberapa bulan yang lalu sebuah Badan Jawatankuasa Bersama telah pun dibentuk bagi mengkaji dan menyusun syor-syor perkhidmatan dan tanggungjawab guru-guru yang difikirkan sesuai dengan keadaan guru-guru di Malaysia Timur dan suatu memorandum telah pun dihantar kepada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di Pertua, supaya guru-guru di Sabah itu tidak terlalu lama menunggu, maka saya berharap kepada Menteri yang berkenaan akan memberikan penjelasan iaitu adakah syor-syor yang terkandung di dalam memorandum itu dapat dilayan dan diterima. Jika ianya dapat diterima, maka bilakah masa tanggungjawab baharu guru-guru di Sabah itu akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan masalah keciciran murid-murid yang nampaknya menjadi-jadi di negara kita ini. Masalah ini adalah perlu diberi perhatian yang bersungguh-sungguh, bukan sahaja dari pihak Kerajaan tetapi juga dari semua golongan rakyat di Malaysia ini. Adalah sangat-sangat mendukacitakan jika benar seperti yang kita dapat tahu bahawa seramai 92,000 orang murid-murid yang menjadi korban keciciran tahun lalu. Perkara ini jika berpanjangan ianya akan menjadi penyakit yang boleh mengancam dan merugikan negara.

Tuan Yang di Pertua, sungguhpun sudah banyak kajian, sudah banyak pendapat dan pandangan atas masalah keciciran ini, tetapi langkah-langkah yang lebih berkesan dari pihak Kementerian berkenaan belum lagi

nampak kepada kita. Malah lapuran lengkap dari Kementerian berkenaan atas masaalah ini sehingga hari ini pun belum ada kita ketahui.

Memanglah banyak punca-puncanya yang membawa keciciran itu berlaku. Pada pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, salah satu daripadanya ialah kurang kemampuan ataupun kerana kemiskinan ibubapa. Kita ada mendengar dan melihat anak-anak yang berkaki ayam dan ada yang perut kosong pergi ke sekolah. Ada ibubapa yang menitisikan air mata, kerana tidak terdaya membayar yuran dan membelikan buku teks untuk anak-anak mereka dan banyak lagi perkara-perkara yang menyedihkan yang ditanggung oleh ibubapa dari golongan yang tersebut itu.

Dari itu, Tuan Yang di Pertua, selain dari pihak Kerajaan, badan-badan atau yayasan pelajaran dan tabung-tabung derma pelajaran yang sedia ada, maka saya menyeru kepada badan-badan swasta dan orang-orang yang berada yang hidup mewah di negara ini supaya menghulurkan bantuan kepada mereka itu. Saya yakin dengan adanya sumbangan dan bantuan itu, maka orang-orang yang tidak berada di negara ini akan merasa bahawa kemewahan yang diperolehi oleh orang-orang yang berada itu bukan hanya untuk kepentingan diri mereka sendiri, tetapi ada faedah dan ada kebbaikannya kepada orang-orang yang tidak berada. Ini tidak syak lagi akan menambahkan erat dan kukuhnya lagi perhubungan dan perasaan muhibbah di antara orang-orang yang berada dengan orang-orang yang tidak berada.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua

Tuan Yang di Pertua: Provided you speak in Malay.

Tuan Loh Jee Mee: Tuan Yang di Pertua, ucapan saya pendek sahaja, tidak panjang. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua: Boleh, kalau pendek, kalau panjang tak boleh.

Tuan Loh Jee Mee: (*Dengan izin*) Once again it is the poor man who has had to bear the brunt of the tax increases. It is another

case of making the rich richer and the poor poorer, where the earning capacity of the poor remains stagnant. The increases in taxes would undoubtedly be passed on to the consumers. With the rise of living standards, many items unaffected by the new taxation have already been placed beyond the reach of the have-nots. It is regrettable that foreign fruits like oranges, which are not luxury items but in fact essential for our health, have gone up by 100 per cent. In this respect, Sir, I wish to say that I do agree with the Government's aim to encourage local fruits for home consumption. It is most unfair, Sir, on the part of the Government to impose such heavy import duty on oranges when local fruit production is unable to meet the demand, besides being of a far inferior quality. This is in no way going to help matters because those who can afford will still go for foreign oranges, while others, the have-nots, are left with no choice but to stop eating oranges rather than consume local oranges which are not of good quality.

A wiser move, Sir, would have been to ensure the quality and sufficient supply before discouraging the consumption of foreign fruits, oranges in particular, by levying fantastic taxes. Our neighbour, Thailand, has been known to produce oranges of high quality and there is no reason why we cannot do the same as the climate here is similar to that of Thailand. I would, therefore, urge the Agricultural Department to carry out a proper research into the growing of this fruit with a view to producing a better quality fruit.

Mr Speaker, Sir, gas-operated stoves, cookers and related items will now attract excise duty at the rate of 10 per cent. The Government is encouraging the lower income group to live in flats built by the Government and to do away with the slums. With the increase of prices of these items, is the Government trying to discourage these people from using them? Is it not amounting to compelling them to use firewood for economic reasons, thereby creating another problem—pollution?

Mr Speaker, Sir, the hardest hit are perhaps the rural folks in view of the increase in prices of food and other commodities. The introduction of price tags has worsened the position. Price tags must go

hand in hand with price control, but regrettably, it is not so. No amount of development plans is going to help these poor have-nots. One wonders how these poor rural folks could give their children a decent education, leave alone sending them to the University. As it is now, they can hardly survive with a meal a day, and with this new taxation they will no doubt be the hardest hit. "Cukai naik lagi" is a household saying in practically every Malaysian family today, although it does not necessarily mean to be a popular one.

It is heartening to note in the Honourable Finance Minister's Budget Speech that there is a ready market for tapioca. It was during the debates on the Second Malaysia Plan last year that I had touched on this subject and had called for the tapioca industry to be encouraged in this country. Tapioca being a crop that does not require major capital to start with, perhaps the Government would consider allotting large areas of land to this crop where it is most suitable and where unemployment is rampant. It is certainly an easily manageable crop and a good revenue earner.

The Budget Speech failed to mention the large number of our youth, including school-leavers, who have gone over to Singapore and Indonesia for employment in the labour sector, both the skilled and the unskilled. Therefore, Malaysia's growing labour force at 3.2% a year is not that consoling or flattering in view of the above. The Government should study and look into this matter seriously before it gets worse.

Agriculture and land are both important factors in our country today. The Government has often stressed on the importance of rural development and land for the landless. Government leaders have often boasted of the efficient machinery that runs the Government. It is here, Sir, that I wish to draw the attention of the Government that in my district of Batang Padang, we often bid farewell to our D.O.s. and A.D.O.s. practically at every end of the year and this year is no exception. We have just bid goodbye to them and it is now well past three weeks and yet there is not the slightest sign of replacement of the A.D.O. who is also the Collector of Land Revenue. Such being the

case, I am afraid that the success of projects under the Second Malaysia Plan in my district will no doubt be hindered.

Mr Speaker, Sir, on health, I wish to urge the Ministry to consider the plea of ambulance drivers employed in Government Hospitals. Their request is justified in view of the fact that an attendant's pay is higher than theirs. The fact is that these drivers have a heavier responsibility, having to drive sometimes through crowded streets whilst on emergency calls, let it be day or night, rain or shine. Therefore, Sir, I sincerely hope that the Ministry will look into it.

Finally, on foreign affairs, I wish to call upon the Government to seriously consider sending an All-Party M.P.s Delegation to visit the People's Republic of China as soon as possible in order to strengthen our already friendly relationship, in view of the present change of political development in this region in particular. Such a trip would also pave the way for the establishment of diplomatic ties between our two countries, and I hope that this event will take place some time next year.

Dr A. Soorian (Port Dickson): Tuan Yang di Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini berkenaan dengan Perbelanjaan untuk tahun 1973.

(Dengan izin) Tuan Speaker, the increased taxation on imported fruits is a step in the right direction. However, the present consumers must be educated to overcome the local prejudices like unfounded beliefs that local fruits are "cold" or "too windy" or "too hot" or "insipid", as the previous speaker had put it. He is obviously labouring under a delusion because from experience I have found out that the grass appears greener on the other side. When I studied medicine, Tuan Speaker, in a foreign country, I thought that foreign doctors were better than local produce but when I got back and entered Government Service here, I found that the locals were just as good, if not better in fact. This goes to show that local fruits are like uncut diamonds lying hither-thither among a vale of carbon deposits.

Tuan Speaker, Sir, the papaya has the highest content of carotene and vitamin C among our local fruits while the pineapple's content of vitamin C is not far behind it.

The nutritional value of oranges is derived from their vitamin C content and the carotene content, which is a precursor of vitamin A. But there is a tendency for the vitamin C value to diminish during transit from overseas. What is likely to happen is that the imported fruits that take weeks to reach us from the time that they were picked would contain far less quantities of vitamin C than their local cousins here. Thus, in the final analysis it would appear that it is more beneficial in every conceivable way to pay \$1 for eight local oranges than to pay \$2.40 for the same number of the imported type. The popular saying, Tuan Speaker, that "An apple a day keeps the doctor away" was invented by the British because the apple is a common feature of their back-gardens and, in fact, that is the first thing that they see when they get up in the morning. If guava could be grown in England, I am sure the saying would have been modified to "Half a guava a day would keep the doctor away", because the local guava, dismal though it might look in comparison to the apple, has twice as much minerals and at least 50 times more vitamin C. The banana also at about 25% the cost of an apple contributes much more than the apple towards the balanced diet. The jackfruit, the melon, the pineapple, the chiku, custard-apple, sour-sop and many other varieties of local fruits are existent to supplement the dinner table for a balanced diet. What we need now is an orientation exercise to break certain traditional, though unfounded, beliefs that our local fruits are insipid or inferior when compared to the imported variety.

Tuan Speaker, I will say a few words now on national unity. Sir, we are all aware that the need for national unity is the overriding objective of the Government and the people at large. In this I am sure the Government is doing its best, but what I am afraid is that there are some people who make things difficult for the Government to function. For example, Tuan Speaker, the other day when the Honourable Member for Seremban Timur spoke on the Budget, he criticised the Government for bringing too harsh a Budget previously when the 5% sales tax was imposed. This time he criticised the Budget for being too lenient and therefore he says it must be election-orientated. It looks like that with Members like this you just cannot win. If you present a stiff Budget, you are wrong;

and if you present a mild one, you are not right either. This is a typical attitude of leaders like this who, like his colleagues, want to criticise for criticism's sake alone. This is a typical feature of leaders of his party who never give credit where credit is due, but prefer to twist and turn the facts to play to the gallery. Tuan Speaker, Sir, this has happened more than once.

During the last Session of Parliament the leaders of this party vehemently criticised the Government for cancelling the Adjournment Speeches during the Budget sittings, whereas their own representative then, the Honourable Member for Sitiawan, had consented to the idea. More recently still, we had just witnessed another D.A.P. comedy in Parliament. Mr Speaker, Sir, the other day this same Member got up and, like a Shakespearian actor, spoke of democracy being curtailed and freedom of speech being stifled because there was a reduction in the number of questions in this House, Oral 20 and Written 5. He was ably supported by another comedian from the same party, the Member for Pulau Pinang Utara. But, Mr Speaker, Sir, these Members were only wasting Parliament's precious time. Their comrade and representative in the Standing Orders Committee, the Member for Batu Gajah, had already signed the document approving the amendments to the Standing Orders. But these few comedians preferred to come here and do a bit of "fool acting" and play to the gallery and waste everybody's time. Mr Speaker, Sir, I hope that in future such comic operas should not be held and if they want to choose to indulge in such lasciviousness, they can do so in other places than in Parliament.

Tuan Speaker, Sir, the Member for Seremban Timur also came here the other day and called for a total repeal of the Internal Security Act. Sir, I think he is being hypocritical. The D.A.P. supported the Internal Security Act in the 1969 General Elections, but just because the Member for Bandar Melaka was a victim of the Internal Security Act, his colleague comes to this House and says that he wants to do away with the Internal Security Act. Tuan Speaker, Sir, if the Member for Seremban Timur is really convinced about what he is thinking or what he is talking, then the proper thing

he should do is to resign and face again the electorate who voted him on this mandate of the Internal Security Act.

Tuan Speaker, Sir, I shall quote to you why the D.A.P. and the Gerakan could not get together during the last elections. I quote:

"The D.A.P. as a sober and realistic party cannot share the enthusiasm of well-meaning but nevertheless starry-eyed and unrealistic persons who call for the total repeal of the Internal Security Act. We recognise that it must be one of the paramount concerns of any Malaysian Government, even of a D.A.P. Government, to protect the security and integrity of the Nation against the forces of foreign-inspired subversion. We, therefore, support in principle the need for the Internal Security legislation."

Tuan Speaker, Sir, the same Honourable Member comes to Parliament and has got the audacity and the cheek to address this august House and call for the repeal of the Internal Security Act. He prefers to eat his own spittle instead of facing the electorate again in a by-election. Tuan Speaker, Sir, I can understand if the Member for Bandar Melaka does not want to face the electorate because he might lose and he is unemployed as you know, Tuan Speaker, and he has to depend on his Parliamentary allowance to eke out an existence, but the Member for Seremban Timur, I am sure, being a professional man, even if he loses can fend for himself.

Tuan Speaker, Sir, why I am bringing up all this is because our Government is magnanimous and very understanding, because otherwise I cannot just see how a party that vehemently opposes the Internal Security Act can even be represented in the National Unity Council and for this I take my hat off to our leaders for they are not only broad-minded but are also liberal in their attitudes.

Tuan Speaker, Sir, this same gentleman from Seremban Timur had also the audacity to shed crocodile tears for a gentleman called Hamid Tuah. Of course, it sounds good for a chauvinistic Chinese to shed tears for a Malay peasant. In fact it sounds too good to be true. But, Sir, the truth is this: Hamid Tuah would never be mentioned in this House if the Member for Bandar Melaka was not incarcerated. There were others

before Hamid Tuah who were incarcerated, like Dr Rajkumar, like Karam Singh, and a host of others who were languishing in the cells in detention camps in Muar, Batu Gajah and elsewhere. But at that time the D.A.P. chose to be silent. In fact, it was not silent; it launched a whispering campaign and said they deserved what they got. But just because the member for Bandar Melaka became a victim, there was a 180-degree turn, and then this politiking comes in and poor Hamid Tuah is now dragged into this. Tuan Speaker, Sir, I am sure that the Honourable Members in this House will not be fooled by this type of politiking. I believe that Hamid Tuah has now been released and he is thinking of joining a political party. I hope sincerely that he will join the D.A.P. because let him get a taste of chauvinism, the like of it he will never forget for the rest of his living days.

Tuan Speaker, Sir, the Honourable Member for Seremban Timur also talks about multi-racialism. He says we need multi-racialism in this country. Sure enough, Tuan Speaker, who does not need multi-racialism? Even the Alliance needs multi-racialism. But what is actually happening in their own party is not multi-racialism. The four leading figures in the party are all Chinese in origin, and this does not augur well for a party that claims to be multi-racial. The Chairman is of Chinese origin, so are the Secretary-General, the Publicity Chief and the Organising Secretary, and yet this Member comes here with his tongue in his cheek and calls for multi-racialism. Tuan Speaker, Sir, in fact, in my experience with the D.A.P. before, the D.A.P. runs like the Alliance actually. They had seminars for Indians that were held in Klang, seminars for Chinese speaking members held in Penang and seminars for Malays held in Seremban.

Tuan Yang di Pertua: This sounds too much like a political rally. Could you not change the record a bit?

Dr A. Soorian: Yes, Tuan Speaker, Sir—I was just winding up. So in this quest for national unity, it is very easy to talk, and to criticise the Alliance, but I feel that the Alliance is perhaps more honest in the way things are being done.

Sir, I am coming to the question of titles—pingat-pingat. Sir, I feel that the Government should be more stringent in their attitude

towards pingat-pingat and titles awarded to politicians. Sir, for example, in the 1969 General Elections the Member of Parliament for Bandar Melaka was making fun of titles like the P.P.M. meaning "perlahan-perlahan mati", while his colleague the Member of Parliament for Seremban Barat, who is himself a P.J.K. holder, was clapping his hands in delight in the background. Tuan Speaker, Sir, this is not in good taste by any standard because before an award is given to any politician, he is asked whether he would accept it, and in this case the Member for Seremban Barat accepted it with open arms. Then, subsequently he abetted his colleague in belittling and ridiculing his award. How can we achieve national unity when we have leaders of such calibre, Tuan Speaker? Mr Speaker, Sir, such a state of affairs is thoroughly disgusting. Where is the loyalty to King and country? To turn politics into a game, played in a human jungle with no rules is unthinkable. Mr Speaker, Sir, I challenge this Member to surrender his P.J.K. if he has any self respect, or alternatively protect it with dignity and honour that befits any recipient. Tuan Speaker, Sir, more and more are disillusioned with this chauvinistic leadership, and in the near future, perhaps even today, another D.A.P. Assemblyman would be resigning from the Party, and another one would soon follow in Perak.

Tuan Mustapha bin Hussain (Seberang Tengah): Tuan Yang di Pertua, saya suka memulakan ucapan saya dengan menyentuh sedikit atas ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana beliau meramalkan Pulau Pinang di masa hadapan yang berhampiran akan menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh.

Tuan Yang di Pertua, setahu saya jumlah penganggur-penganggur di Pulau Pinang ialah lebih kurang 26,000 sekarang. Tiap-tiap tahun selepas peperiksaan sekolah jumlah ini akan ditambah dengan 3,000 penganggur-penganggur.

Setakat masa sekarang, Tuan Yang di Pertua, pihak berkuasa di Pulau Pinang dengan perkembangan kilang-kilang dan majikan-majikan boleh memberi setakat 3,000 lebih kurang pekerja-pekerja sahaja kepada penganggur-penganggur itu. Tafsiran itu adalah mengikut kerja-kerja yang sudah diberikan oleh kilang-kilang itu iaitu dalam masa tiga tahun yang lepas mereka cuma

boleh memberi 9,000 pekerjaan sahaja. Ini bermakna, Tuan Yang di Pertua, perkembangan perindustrian yang sedang dijalankan di Pulau Pinang, jikalau terus dijalankan, boleh memberi setakat lebih kurang 3,000 kerja sahaja, iaitu bersama jumlah yang keluar daripada sekolah. Ini ternyata sekali bahawa jumlah 26,000 penganggur itu akan selalu ditetapkan.

Tiap-tiap hari, Tuan Yang di Pertua, Pejabat Wakil Rakyat saya telah disesakkan dengan penganggur-penganggur yang lapar kerja. Saya faham lain-lain wakil rakyat juga didesak sebegitu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di Pertua, ramalan yang tanpa berasas yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah satu angan-angan sahaja. Angan-angan Mat Jenin ini, Tuan Yang di Pertua, boleh melirukan penganggur-penganggur di lain-lain negeri yang akan pergi ke Pulau Pinang mencari kerja yang tidak ada.

Saya harap, Tuan Yang di Pertua, sebelum siapa dan apa-apa ramalan atau sebelum sesiapa berhajat menengok nasib Pulau Pinang, beliau harus pergi ke pulau itu dan menyiasat dengan teliti keadaannya yang sebenarnya.

Tuan Yang di Pertua, saya suka juga menyentuh dasar luar negeri khususnya tentang sikap dan tingkah laku wakil negara kita di Persidangan Negara-negara Berkecuali (Non-Aligned Nations) yang diadakan di Georgetown, Guyana dalam bulan Ogos yang lalu.

Di ucapan pembukaan persidangan itu Perdana Menteri Guyana telah mengalukan dengan hangat konsep perkecualian kita sebagai konsep yang bersejarah dan yang patut diterima oleh semua negara di dunia. Tetapi sambutan itu tidak diteruskan dan di dalam kenyataan untuk menutup persidangan itu konsep kita yang dimegah-megahkan itu tidak disebutkan sepeatahpun. Inilah satu peluang yang wakil kita di persidangan itu melepaskan sama sekali oleh kerana beliau telah merajuk dan terus keluar dan terbang balik.

Di dalam apa-apa pertarungan, Tuan Yang di Pertua, sikap merajuk tidak ada tempatnya sama sekali. Jikalau kita merajuk dan boycott satu-satu majlis, biarlah atas perkara yang penting, biarlah atas perkara yang asas, bukan atas satu perkara

procedural seperti keputusan suara lebih atau tidak yang boleh dianggap satu perkara titik-bengek.

Saya harap, Tuan Yang di Pertua, di masa hadapan wakil-wakil kita di luar negeri janganlah tergopoh-gopoh lari keluar daripada gelanggang pertarungan. Janganlah selalu merajuk menjauhkan diri terutamanya di masa hadapan yang akan dipenuhi dengan pergolakan-pergolakan politik di rantau ini.

Tuan Yang di Pertua, saya juga suka menyentuh sedikit atas perkara Perjanjian Pertahanan Lima Negara. Harapan mencari balik maruah kita adalah cerah dengan kemenangan Parti Buruh di New Zealand dan Australia dalam pilihanrayanya.

Akibat daripada itu, Tuan Yang di Pertua, ialah tentera-tentera asing di negara kita akan keluar kelak dan dengan ini, konsep perkecualian Asia Tenggara juga mendapat harapan yang cerah untuk kejayaan.

Berkenaan dengan mengiktirafkan negeri Cina, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menjalankan urusan ini dengan tidak menunggu-nunggu lagi sahabat-sahabat serantau. Sahabat-sahabat serantau kita barangkali ada masaalah-masaalahnya yang belum mereka selesaikan sebelum mengiktirafkan negeri Cina. Saya fikir tidak perlu kita ber-pak pak lang dalam urusan dasar luar negeri.

Tuan Yang di Pertua, tentang hal-hal dalam negeri, yang saya ingin menyentuh ialah berkenaan dengan Pasukan-pasukan Keselamatan kita di sempadan-sempadan yang memburu pengganas-pengganas komunis.

Saya syorkan banyak lagi helikopter-helikopter yang bersenjata patut digunakan. Helikopter-helikopter ini juga patut digunakan sebagai alat pengangkutan daripada konvoy yang sekarang digunakan, yang membuang masa, tenaga dan belanjawan.

Hutan-hutan yang lebat di mana pengganas-pengganas komunis bersembunyi, patut dicurahkan dengan satu jenis racun atau "defoliant" yang digunakan di Vietnam supaya hutan-hutan itu boleh jadi padang kering dan menyenangkan pasukan-pasukan kita memburu pengganas-pengganas itu dengan kesannya.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di Pertua, ialah berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara. Saya dapati banyak daripada pegawai-pegawai yang sudah berpensyen, telah dilantik semula menjadi Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya di luar negeri, Ahli-ahli di dalam Badan-badan Berkanun. Anggota-anggota Suruhanjaya-suruhanjaya di dalam Negeri-negeri dan juga dilantik menjadi Pengurus-pengurus di majikan-majikan yang berkembang sekarang.

Bagi pendapat saya, Tuan Yang di Pertua, keadaan seperti ini adalah menutupkan peluang-peluang kepada banyak pegawai-pegawai yang muda dan tidak berkendur uratnya dan juga menghalang peluang-peluang kerja kepada beribu-ribu penganggur-penganggur kita yang ada sekarang.

Biarlah yang sudah bersara, bersara ber-sungguh-sungguh dan mereka diberi peluang beribadat di atas tikar sembahyang dalam masa yang sempit yang ada kepada mereka.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): Tuan Yang di Pertua, saya bangun mengambil bahagian untuk membahaskan Anggaran Belanjawan Federal bagi tahun 1973.

Tuan Yang di Pertua, kami di dalam D.A.P., sejak ditubuhkan pada tahun 1965, telah pun membicarakan tentang recognition Republic Rakyat Cina dan pendirian kami masih tinggal sebagai polisi parti yang kekal dan kukuh dalam dasar-dasar luar negeri.

Ini sangat dikesalkan semasa pentadbiran bekas Perdana Menteri yang telah memilih untuk mengikut polisi Amerika Syarikat supaya menahan Cina dari menyebarkan fahaman komunis. Dasar luar negeri Malaysia telah dikungkung dan dipandu oleh kuasa-kuasa Barat hinggalah ianya terpaksa menderita merasai akibatnya hingga di hari ini.

Tuan Yang di Pertua, hari ini Presiden Amerika Syarikat Mr Nixon telah melawat Peking untuk memulakan perhubungan diplomatik antara kedua negeri.

Jepun juga telah mengadakan recognition dengan Cina sebaik sahaja Perdana Menteri, Mr Tanaka muncul.

Kedua-dua Perdana Menteri democratic socialist Australia dan New Zealand yang baharu telah dilantik memegang kuasa berdasarkan kepada recognition Cina sebagai satu perkara penting dalam dasar luar negeri mereka.

Persoalan tentang "face-saving" di dalam peranan mengubah polisi Malaysia daripada tidak mengiktiraf kepada pengiktirafan Cina, tidak timbul di dalam atau di luar negeri.

Rakyat negeri ini dan rakyat-rakyat dunia seluruhnya menganggap "co-existence" manusia sama manusia dan negara sama negara tidak mengira warna, bangsa, ugama, kepercayaan politik dan sebagainya. Rakyat negeri ini mempunyai harapan penuh semuga pertalian dan persahabatan antara rakyat Cina dan rakyat Malaysia dapat diwujudkan di masa-masa yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan di Dewan ini pada 4hb Disember, 1972 bahawa Malaysia akan meminta penerangan dan nasihat daripada negara-negara ASEAN lain terhadap persoalan recognition dengan Cina ini. Antara lain beliau menyatakan di sini:

